



## STATISTIK KERATAN AKHBAR OGOS 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PUSTAKAWAN TETAP 'KOMPAS' WALAU PADA ERA KECERDASAN BUATAN	UTUSAN MALAYSIA MS 15	01.08.2024	PERPUSTAKAAN
2	BEKAS PELAJAR TAHFIZ MENANGIS DAPAT SAMBUNG PENGAJIAN DI POLITEKNIK	UTUSAN MALAYSIA MS 36	01.08.2024	POLITEKNIK
3	SANGGUP BERJAUHAN DEMI UBAH NASIB	UTUSAN MALAYSIA MS 36	01.08.2024	POLITEKNIK
4	MENJAGA HAK SESAMA MUSLIM: BULI PEROSAK HUBUNGAN SOSIAL	HARIAN METRO MS 14	02.08.2024	AGAMA
	TAK MAHU TAMBAH BEBAN SAMBUNG PENGAJIAN: 'MALU NAK MINTA ABANG SYAFIQ BANTU'	HARIAN METRO MS 06	02.08.2024	POLITEKNIK
5	PEMEGANG LESEN B1, B2 LEBIH 10 TAHUN LAYAK MOHON KELAS B	SINAR HARIAN MS 02	03.08.2024	SEMASA
6	HIDUPKAN AJARAN ISLAM, USAH PUTUS BERDOA	BERITA HARIAN MS 38	04.08.2024	AGAMA
7	POLITEKNIK SHAH ALAM JALIN KERJASAMA DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI CHINA	BERITA HARIAN MS 22	05.08.2024	POLITEKNIK
8	POLITEKNIK UNGKU OMAR DAFTAR PELAJAR POLYCC TERTINGGI	UTUSAN MALAYSIA MS 23	07.08.2024	POLITEKNIK
9	KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM JADI PILIHAN	UTUSAN MALAYSIA MS 27	07.08.2024	KPT
10	TVET BUKAN PILIHAN KEDUA, KEMASUKAN PSIS MENINGKAT	UTUSAN MALAYSIA MS 27	07.08.2024	TVET
11	PEMAJU, KONTRAKTOR DIGESA BERI PELUANG GRADUAN TVET PEMBINAAN	BERITA HARIAN MS 08	07.08.2024	TVET
12	ARIF HAMPIR TOLAK TAWARAN BELAJAR	UTUSAN MALAYSIA MS 36	07.08.2024	KPT
13	SHAMSUL AZRI ABU BAKAR DILANTIK KSN BAHARU	UTUSAN MALAYSIA MS 03	08.08.2024	SEMASA
14	PENJAWAT AWAM TERIMA KENAIKAN GAJI SEHINGGA 42.7 PERATUS	BERITA HARIAN MS 03	08.08.2024	SEMASA
15	TAK PERNAH MENYESAL SERTAI PALAPES	BERITA HARIAN MS 08	08.08.2024	KPT
16	MAHASISWA PERLU DILENGKAPKAN PRINSIP KELESTARIAN	BERITA HARIAN MS 13	09.08.2024	KPT
17	PENUNTUT IPT SASARAN SINDIKET AKAUN KELDAI	BERITA HARIAN MS 07	15.08.2024	KPT
18	BUKA MINDA PELAJAR SERTAI TVET, STEM	BERITA HARIAN MS 09	16.08.2024	TVET
19	PROGRAM TVET AKAN DITAWAR KEPADA PELAJAR LUAR NEGARA	SINAR HARIAN MS 29	18.08.2024	TVET
20	SEJUTA PELAJAR IPTA DIBERI RM50 MULA PELABURAN ASB, ASM	BERITA HARIAN MS 02	23.08.2024	KPT
21	INOVASI 3 ANGGOTA RIG PORT DICKSON CEMERLANG DI BRAZIL	BERITA HARIAN MS 20	25.08.2024	POLI PD

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
23	HAMPIR TERLEPAS KONVOKESYEN KERANA TIADA INTERNET DI KAMPUNG	UTUSAN MALAYSIA MS 33	30.08.2024	POLITEKNIK
24	MALAYSIA KUKUH KERJASAMA PENDIDIKAN DI TIMOR-LESTE	BERITA HARIAN MS 08	30.08.2024	KPT
25	GALAK RAKYAT TERBABIT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN : KKR LAKSANA INISIATIF SEJAJAR DASAR NCP	HARIAN METRO MS 30	20.08.2024	TVET
26	TERUS BERMUNAJAT, JANGAN LARI DARIPADA MEDAN PERTEMPURAN HIDUP	BERITA HARIAN MS 21	30.08.2024	AGAMA
27	TARIK ANAK MUDA DALAMI ILMU, AGAMA MELALUI VIDEO PENDEK	SINAR HARIAN MS 20	30.08.2024	AGAMA
28	CINTAI, PERTAHAN NEGARA TANDA ORANG BERIMAN	SINAR HARIAN MS 21	30.08.2024	AGAMA
29	BELAJAR BUKAN SEKADAR DAPAT SIJIL	SINAR HARIAN MS 18	31.08.2024	KPT
30	MARA DAN UPTM TUBUHKAN IKEB, PROAKTIF LAHIRKAN AKAUNTAN BUMIPUTERA	SINAR HARIAN MS 18	31.08.2024	KPT
31	LEBIH 17,000 SERTAI ACARA PERBARISAN, PERARAKAN	BERITA HARIAN MS 14	31.08.2024	SEMASA

# Pustakawan tetap 'kompas' walau pada era kecerdasan buatan

TUAN SAFAAT  
TUAN AMERI

**S**EBAGAI salah satu profesion yang menyediakan perkhidmatan pencarian maklumat penting kepada pelanggan, bidang kepustakawanan mungkin dipengaruhi oleh kecerdasan buatan (AI) dalam pelbagai cara.

Dek senario dan berita yang berleluasa hari ini, majoriti masyarakat kian sedar akan keupayaan AI.

Sudah pasti tidak ada yang mampu menyanggah kemampuan teknologi dan mengakui bahawa teknologi ini boleh membantu meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dengan ketara.

Namun, jangan kita nafikan perpustakaan mesti mempunyai nadinya, iaitu para pustakawan.

Apalah erti sebuah perpustakaan tanpa tuannya dan sedarkan kita apa sifat unik seorang pustakawan jika dibandingkan dengan AI yang cuba di manusiawi oleh segelintir pihak ketika ini.

Terang lagi bersuluh, AI hanyalah teknologi atau alatan yang dicipta untuk membantu memudahkan urusan sehari-hari mahupun dari segi pembelajaran, pekerjaan dan sebagainya.

Seperti hujah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, dalam ruangan UIAM Berhujah, pada 20 Jun lalu, mengapa terus bertuhankan AI walhal ia hanyalah teknologi yang berkebolehan luar biasa jika dibandingkan dengan fitrah semula jadi manusia kurniahan Ilahi meliputi akal, budi, hati dan sanubari.

Sayangnya, dengan adanya AI pada zaman kini, kita bukan sahaja semakin yakin dengan cetakan maya bahkan kurang menggunakan sumber perpustakaan secara maksimum.

Kita lebih gemar untuk mencedok semua maklumat yang dikeluarkan AI tanpa mengambil kira kesahihan dan ketulenan bahan tersebut.

Atribut paling utama adalah interaksi sesama manusia.



PUSTAKAWAN berperanan dalam memudah serta menawarkan bantuan, panduan, bimbingan peribadi, khidmat rundingan dan perbincangan secara langsung dalam laut pencarian maklumat. - AFP

Pustakawan menawarkan bantuan, panduan, bimbingan peribadi, khidmat rundingan dan perbincangan secara langsung dalam laut pencarian maklumat.

Sebagai contoh, perkhidmatan Meja Penasihat Pembaca menyediakan konsultasi dan jawapan secara terus kepada setiap pertanyaan secara percuma.

Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan daripada pelbagai latar belakang mendapatkan jawapan berdasarkan keperluan mereka.

Selain dapat memastikan pelanggan berpuas hati dalam meneroka dunia maklumat, tidak seperti AI, pustakawan dapat membantu pengguna mencari bahan bacaan yang sesuai dengan minat serta keperluan mereka, memahami dan mendalami soalan-soalan yang rumit, melibatkan diri dalam perbualan yang bermakna selain menyesuaikan nasihat mengikut konteks berbeza setiap individu.

Misalnya, pelanggan yang mempunyai masalah untuk mendapatkan bahan kajian semestinya akan merujuk kepada pustakawan atau pakar maklumat untuk bertanya dengan lebih lanjut sekali gus mempelajari kaedah pencarian maklumat yang betul.

Sentuhan peribadi ini mampu mewujudkan

**“Kita mestilah bijak dalam memanfaatkan AI dalam kehidupan, jangan sampai dimanipulasi.”**

persekitaran yang sejahtera dan dapat menggalakkan pelanggan untuk meneroka sumber perpustakaan dengan sepenuhnya.

Namun, apa yang berlaku pada hari ini ialah rata-rata daripada pengguna lebih mudah untuk menekan butang *enter* pada mana-mana AI misalnya ChatGPT dalam mencari maklumat yang belum tentu tepat dan sahih sedangkan pustakawan mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam literasi maklumat, yang menjadikan mereka navigator atau pemandu arah penting dalam dunia maklumat.

Pustakawan tidak hanya menyediakan maklumat tetapi mereka memastikan maklumat itu tepat, sahih dan relevan.

Mereka terlatih untuk mengenal pasti sumber yang benar dan boleh dipercayai untuk mendidik para pengguna cara mengakses, menilai dan menggunakan

maklumat dengan bijak.

Dengan kemahiran ini, pustakawan membantu mengelakkan penyebaran maklumat palsu dan kesilapan dalam penggunaan maklumat.

Jika dibandingkan dengan AI, maklumat yang diberikan kepada pengguna mungkin terhad meliputi tempoh masa atau skop liputan yang tidak menyeluruh dan ketinggalan zaman.

Tambahan, AI sangat sinonim akan kebergantungan data sedia ada dan algoritma. AI dilatih menggunakan set data yang besar yang mengandungi pelbagai jenis maklumat, yang kemudian diproses oleh algoritma untuk mengenali corak dan membuat ramalan atau keputusan.

## ETIKA

Tidak dilupakan, pustakawan sangat menitikberatkan etika kepustakawanan.

Mereka mematuhi prinsip-prinsip etika seperti privasi dan kebebasan intelektual dengan serius, memastikan bahawa hak-hak pengguna dihormati dan maklumat disediakan adalah secara adil.

Dengan menegakkan prinsip-prinsip ini, pustakawan memastikan perpustakaan berfungsi sebagai ruang yang selamat, dengan individu dapat mengakses maklumat dan menyuarakan pandangan

mereka tanpa rasa takut.

Selain itu, mereka juga memastikan bahawa koleksi perpustakaan mencerminkan pelbagai pandangan dan perspektif serta melindungi maklumat peribadi pengguna dengan penuh tanggungjawab.

Misalnya, koleksi tesis dan disertasi tidak sewenang-wenangnya diberi akses kepada pengguna demi menjaga isu hak cipta dan plagiat. Koleksi ini mengandungi karya asli yang dilindungi hak cipta dan pengaksesan secara bebas kepada dokumen ini boleh menimbulkan risiko pelanggaran hak cipta dan isu plagiat.

Dalam beberapa kes, pustakawan akan memastikan bahawa penggunaan tesis atau disertasi hanya dilakukan dengan keizinan daripada pengarang atau institusi akademik yang berkenaan.

Sebaliknya, AI mungkin tidak adil atau wujud keimbangan etika dalam pemprosesan data dan pembuatan keputusan. Oleh kerana ia buatan manusia, AI sangat bergantung kepada data yang dimasukkan dan algoritma yang digunakan dalam prosesnya.

Sebagai contoh, data yang tidak seimbang boleh menyebabkan ketidakadilan terhadap sesuatu aspek seperti jantina, etnik atau sosial oleh kerana teknologi ini dilatih menggunakan set data.

Dalam dunia yang semakin didominasi AI, peranan pustakawan sebagai penyaring dan kompas maklumat tetap relevan dan sangat diperlukan.

Mereka memastikan bahawa walaupun teknologi terus berkembang, sentuhan manusia dalam pengurusan maklumat tidak hilang dan pengguna mendapat manfaat daripada maklumat yang berkualiti selain boleh dipercayai.

Justeru, kita mestilah bijak dalam memanfaatkan AI dalam kehidupan, jangan sampai dimanipulasi.

Sia-sia bertunjangkan AI walhal kita mempunyai akal dan fikiran yang jauh lebih cerdas dan dinamik.

PENULIS ialah Pustakawan di Perpustakaan Dar-al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BEKAS PELAJAR TAHFIZ MENANGIS DAPAT SAMBUNG PENGAJIAN  
DI POLITEKNIK

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 36

TARIKH : 01/08/2024

36

Utusan Malaysia  
KHAMIS • 1 OGOS 2024

Dalam Negeri

# Bekas pelajar tahliz menangis dapat sambung pengajian di politeknik



FIKRI Ismail (tiga dari kiri) menyerahkan surat tawaran kemasukan ke Politeknik Kota Bharu kepada Wan Alli Abi Thalib Wan Mohamed di Kampung Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMED

Oleh ROSLIZA MOHAMED  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Bekas pelajar Maahad Tahliz Al-Quran Al Kindi di Pasir Mas mengalirkan air mata tanda syukur selepas berpeluang menyambung pengajian peringkat diploma Politeknik Kota Bharu (PKB) pada Isnin ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Wan Alli Abi Thalib Wan Mohamed, 18, sebelum ini dia terpaksa melupakan hasrat itu kerana masalah kewangan.

"Tempoh hari saya mendapat tawaran menyambung pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Perak, namun terpaksa menolaknya kerana kekangan kewangan.

"Ayah (Wan Mohamed Wan Zain, 47) tidak bekerja kerana menghidap kencing manis

manakala emak sudah meninggal dunia dua tahun lalu. Keadaan ini abang ipar yang banyak membantu dari segi kewangan," katanya semasa menerima surat tawaran menyambung pengajian yang disampaikan oleh Pengarah Politeknik Kota Bharu, Fikri Ismail di sini semalam.

Pada masa sama, Wan Alli Abi Thalib turut menerima sumbangan sebanyak RM4,000 daripada Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) dan Umno Bahagian Ketereh.

Wan Alli Abi Thalib memberitahu, sumbangan itu melanjutkan semangatnya untuk belajar bersungguh-sungguh di PKB.

Katanya, dia nekad menggubah masa dengan keluarga dengan menggenggam segulung diploma.

"Apa pun saya bersyukur kepada Allah di atas nikmat yang dikurniakan ini," ujarnya.

## Sanggup berjauhan demi ubah nasib

**PERMATANG PAUH:** Remaja ini mungkin tidak sempat merasai kasih sayang seorang bapa kandung kerana lelaki itu telah pergi menyahut panggilan Ilahi sewaktu usianya baru mencelah 30 hari.

Bagaimanapun, Muhamad Daniel Asyraf Abdul Aziz, 18, masih beruntung kerana mempunyai seorang bapa tiri yang penyayang walaupun lelaki tersebut hanya bekerja sebagai seorang buruh kasar.

Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana, Muhamad Daniel Asyraf turut menyimpan satu angan-angan yang tinggi iaitu untuk mengubah nasib keluarganya suatu hari nanti.

Justeru, anak kelahiran Kelantan itu tidak teragak-agak membuat keputusan berjauhan daripada keluarganya selepas menerima tawaran untuk melanjutkan pengajiannya ke Politeknik Seberang Perai (PSP) di sini.

"Ibu dan ayah merupakan insan yang paling banyak mendorong saya untuk terus maju dalam pelajaran. Semoga apabila saya berjaya nanti, saya akan membafas jasa mereka," kata anak sulung daripada enam beradik itu yang bercita-cita untuk bergelar jurutera kelak.

Muhamad Daniel Asyraf ditemui semasa pendaftaran pelajar

baru PSP bagi sesi 1/2024/2025 di sini yang secara keseluruhan turut dihadiri oleh hampir 900 pelajar lain, baru-baru ini.

Sementara itu, ibu kepada remaja tersebut, Rosenani Wahab, 44, memberitahu, hanya pelajaran dan doa sahaja mampu dititipkan sebagai bekalan untuk kejayaan anaknya pada masa hadapan.

"Walaupun sebenarnya saya lebih selesa anak tinggal bersama, tetapi, keinginan untuk melihat anak saya berjaya dalam pelajaran dan mencapai cita-cita, saya kuatkan juga hati ini untuk berpisah sememangnya dengan anak," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah PSP, Roseliza Shaari berkata, pihaknya sentiasa bersedia menjadi pemudah cara selain membantu bagi memastikan tiada pelajar yang tercincir sebagi mereka berkeinginan tinggi untuk belajar di situ.

"Untuk berjaya pasti ada liku-likunya, namun, semua itu terletak pada diri sendiri," katanya yang memaklumkan, sesi pengambilan terbaharu itu menyaksikan peningkatan jumlah pelajar sehingga 11 peratus sekali gus menunjukkan bahawa jurusan Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini semakin mendapat tempat.

## TAJUK: MENJAGA HAK SESAMA MUSLIM: BULI PEROSAK HUBUNGAN SOSIAL

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 14

TARIKH : 02/08/2024

14

[www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Jumaat 02.08.2024 | Harian Metro

mind

## MENJAGA HAK SESAMA MUSLIM

## Buli perosak hubungan sosial

Bersama  
Dr Nor Hazrul  
Mohd Salleh

eorang Muslim mempunyai tanggungjawab untuk menghormati dan memuliakan sesama Muslim berdasarkan ajaran al-Quran dan al-hadis. Al-Quran mengajar kita berlaku adil dan berlemah lembut terhadap sesama manusia, khususnya sesama Muslim. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." (**Surah al-Hujurat, ayat 10**)

Manakala, Rasulullah SAW pula mengajar kita untuk menyayangi dan memuliakan sesama Muslim. Baginda bersabda yang bermaksud: "Tidak sempurna iman seseorang sehingga ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri" - (**Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim**). Pandangan ulama Islam juga menekankan pentingnya menjaga hubungan baik sesama Muslim. Mereka mengajar agar kita bersikap hormat menghormati antara satu sama lain serta tidak melakukan perkara yang mendatangkan kemudarat.

Di samping itu, Islam melarang budaya buli dan kekerasan terhadap sesama manusia. Islam mengajar kita berlaku adil dan lembut terhadap orang lain serta tidak menyakiti atau mencederakan sesama makhluk Allah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam." (**Hadis Riwayat Bukhari**)

Oleh itu, sebagai umat Islam kita perlu menghormati, menyayangi dan memuliakan sesama Muslim serta menjauhi budaya buli dan kekerasan. Kita perlu berusaha menjaga hubungan baik dan bersikap adil serta lemah lembut dalam pergaulan sehari-hari.

Pandangan pakar psikologi dan kemanusiaan juga menekankan pentingnya menghormati dan memuliakan sesama manusia, termasuklah sesama Muslim. Menurut teori kemanusiaan, setiap individu mempunyai martabat dan nilai sebagai manusia yang perlu

dihormati. Oleh itu, perlakuan yang bersifat kasar, kejam atau merendahkan martabat seseorang tidak sesuai dengan prinsip kemanusiaan yang sepatutnya diamalkan.

Pakar psikologi juga mengakui bahawa hubungan yang penuh kasih sayang, empati dan penghormatan antara individu dapat membentuk persekitaran yang positif dan membantu dalam perkembangan psikologi dan emosi seseorang. Sebaliknya, budaya buli dan kekerasan boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan emosi seseorang, menyebabkan tekanan, keimbangan dan kemurungan.

Dengan itu, sebagai individu yang beriman dan berpegang kepada nilai kemanusiaan, kita perlu memperlakukan sesama Muslim dengan penuh kasih sayang, penghormatan dan empati. Menghormati dan memuliakan sesama Muslim tidak hanya penting dari segi agama, tetapi juga dari segi psikologi dan kemanusiaan. Dengan mempraktikkan nilai-nilai ini, kita dapat membina hubungan yang harmoni dan saling mendukung antara sesama Muslim, serta mencipta persekitaran yang positif bagi perkembangan diri dan masyarakat.

Buli merujuk kepada perlakuan yang bersifat kejam, kasar dan merendahkan martabat individu lain. Ia melibatkan tindakan fizikal, emosi, verbal atau sosial yang dilakukan secara berulang-ulang dan sengaja untuk menyakiti,

merendahkan atau mengintimidasi seseorang. Perlakuan buli sering dilakukan oleh individu atau kumpulan yang lebih kuat atau berkuasa terhadap mangsa.

Buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk buli fizikal (seperti pukul, tendang atau menyakitkan secara fizikal), buli emosi (mengancam, menghina atau mengisolasi emosi), buli verbal (ejekan, sindiran atau ugutan) dan buli sosial (mengasingkan, memfitnah atau mengecualikan individu dari kumpulan). Perlakuan buli boleh berlaku di sekolah, tempat kerja, dalam talian atau dalam masyarakat.

Sangat penting untuk kita mengenali dan membantah budaya buli serta memahami bahawa setiap individu berhak untuk diperlakukan dengan hormat dan martabat. Tindakan buli bukan sahaja melanggar nilai kemanusiaan, tetapi juga memberi kesan negatif yang serius kepada mangsa serta masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, penting untuk berusaha mencegah dan menghentikan budaya buli serta memupuk nilai kasih sayang, penghormatan dan empati dalam interaksi harian kita.

Budaya buli dalam masyarakat boleh memberi kesan buruk yang serius kepada individu yang menjadi mangsa serta masyarakat secara keseluruhan. Beberapa kesan buruk budaya buli termasuklah kesihatan mental dan emosi. Mangsa buli mungkin mengalami tekanan emosi, keimbangan, dan sengaja untuk menyakiti,

kemurungan dan kurang keyakinan diri akibat daripada pengalaman yang traumatis. Mereka mungkin mengalami masalah kesihatan mental seperti stres post-traumatis atau gangguan kecemasan.

Manakala, prestasi akademik juga boleh terjejas. Individu yang menjadi mangsa buli mungkin mengalami penurunan prestasi akademik kerana fokus terjejas, hilang motivasi dan kepercayaan diri.

Dari segi hubungan sosial, budaya buli merosakkan hubungan sosial antara individu, menyebabkan isolasi dan kesukaran untuk membina hubungan yang sihat dan positif dengan orang lain. Mangsa buli mungkin mengalami kesulitan untuk percaya orang lain dan membina hubungan yang stabil.

Renungkan peringatan Rasulullah SAW: "Hak seorang Muslim terhadap Muslim yang lain itu ada enam: 1. Apabila engku bertemu dengannya, ucapan salam, 2. Apabila dia mengundangmu, penuhi undangannya, 3. Apabila dia meminta nasihatmu, nasihati dia, 4. Apabila dia bersin ucapan Alhamdulillah, doakan dia (dengan mengucapkan Yarhamukallah), 5. Apabila dia sakit, ziarahi dia, dan 6. Apabila dia meninggal dunia, iringilah jenazahnya." (**Hadis Riwayat Muslim**)

**Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Pusat Pendidikan UM, Bachok**

## dialog kotaraya oleh juragan



Islam mengajar kita berlaku adil dan lembut terhadap orang lain serta tidak menyakiti atau mencederakan sesama makhluk Allah

SIDANG PENGARANG

**Metro**

Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit

Pengarang Eksekutif (Kandungan) Muhamad Safar Ahmad

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) Yusri Abdul Malek

TAJUK: TAK MAHU TAMBAH BEBAN SAMBUNG PENGAJIAN: 'MALU NAK MINTA ABANG SYAFIQ BANTU'

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 06

TARIKH : 02/08/2024

Harian Metro | 218 | MIS 6

TAK MAHU TAMBAH BEBAN SAMBUNG PENGAJIAN

# 'Malu nak minta Abang Syafiq bantu'

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Ipoh

"Saya sedar dapat tinggal di asrama (rumah kebajikan) adalah satu rahmat Allah SWT sebab itu berasa malu mahu minta Abang Syafiq bantu saya sambung pelajaran di politeknik kerana tak mahu membebankan lagi adik-adik masih bersekolah."

Begini kata Muhammad Izzat Abd Rahman, 18, penghuni Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf Raudhatul Al-Faez, Gombak yang pada mulanya nekad menyembunyikan tawaran pengajian di Politeknik Ungku Omar (PUO), di sini.

Ini kerana Muhammad Izzat tidak mahu membebankan pengurusan rumah kebajikan berkenaan untuk menampung pengajiannya.

Anak yatim piatu itu juga tidak mahu membebangkan abangnya, Muhammad Amirul, 20, yang baru berkhidmat sebagai anggota tentera selain mengakui tidak bersedia meninggalkan rumah kebajikan dan penghuni lain yang dianggap seperti keluaraga.

Kisah Muhammad Izzat mendapat perhatian netizen termasuk pihak pengurusan PUO yang membantu ke-

**"Saya fikir bagaimana dengan (bayaran) yuran permulaan, barang keperluan juga kerana ini kali pertama mendaftar maka banyak barang perlu dibeli"**

Muhammad Izzat

masukan remaja yang aktif dalam sukan ragbi itu meskipun terlewat sehari untuk membuat pengesahan menerima tawaran berkenaan.

Kisah remaja itu dikongsikan Muhammad Syafiq Mobin, 37, yang juga antara pengasas dan pengurus rumah kebajikan terbabit.

Berkongsi kisahnya, Muhammad Izzat yang juga penuntut jurusan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik itu mengakui dia memasang impian menyambung pelajaran ke menara gading demi masa depan lebih cerah.

"Saya mahu sambung belajar dan minat jurusan elektrik, tetapi saya sedar

sebagai anak yatim piatu yang tinggal di rumah kebajikan, saya tidak boleh terlalu meminta kerana ramai adik (penghuni lain) masih bersekolah.

"Saya fikir bagaimana dengan (bayaran) yuran permulaan, barang keperluan juga kerana ini kali pertama mendaftar maka banyak barang perlu dibeli selain perbelanjaan harian. Semua itu membuatkan saya bimbang kerana kos pasti besar.

"Sebab itu saya tak cerita mèngenai tawaran itu kerana tak mahu Abang Syafiq dan kawan-kawannya terbeban untuk bantu saya," katanya kepada Harian Metro ketika dihubungi, semalam.

Katanya, dia sebak dan terharu apabila Muhammad Syafiq memintanya menerima tawaran itu, malah turut bersedia membantu selepas mendapat tahu berita berkenaan biarpun agak terkilan dengan tindakannya.

"Saya gembira dan terharu kerana dapat sambung belajar, namun sebaik kerana terasa saya membebangkan biarpun abang Syafiq cakap ia tidak mem-

bebangkan mereka.

"Apabila pengurusan PUO bersedia membantu kemasukan saya biarpun lewat membuat pengesahan tawaran, saya anggap ia adalah rezeki paling bermakna dalam hidup ini, malah tak sangka orang ramai juga sudi membantu saya," katanya yang mendaftar kemasukan ke PUO pada Sabtu lalu.

Katanya, sejak ibunya, Rohayati Ato meninggal dunia ketika usianya tujuh tahun, dia dan abangnya dihantar ke rumah kebajikan lain sebelum ditukarkan ke Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf Raudhatul Al-Faez, manakala bapanya, Abd Rahman Abd Hamid pula meninggal dunia pada 2021.

"Terima kasih kepada semua penyumbang dan abang Syafiq, rumah kebajikan serta pengurusan PUO yang membantu saya memudahkan proses ini dengan memberi sumbangan dan doa.

"Ini juga membakar semangat saya untuk belajar dengan baik untuk masa depan yang cerah seterusnya dapat menyumbang dan membantu kembali rumah kebajikan yang banyak berjasa kepada saya dan abang," katanya.



MUHAMMAD Syafiq (depan empat dari kiri) bersama anak rumah kebajikan termasuk Muhammad Izzat (barisan kedua, tiga dari kiri).

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PEMEGANG LESEN B1, B2 LEBIH 10 TAHUN LAYAK MOHON KELAS B

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 02

TARIKH : 03/08/2024

2

NASIONAL

SINAR HARIAN • SABTU 3 OGOS 2024

Sinar  
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Perlu hadir, lulus program peralihan dan penyesuaian motosikal berkuasa 500cc ke atas di IM

Oleh DIANA AZIS  
PUTRAJAYA

Pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) kelas B1 dan B2 selama lebih 10 tahun layak menyertai program khas peralihan untuk mendapatkan lesen B bermula 1 Oktober depan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, pemohon perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan antaranya menghadiri dan lulus program peralihan serta penyesuaian motosikal berkuasa 500cc ke atas di institut memandu (IM).

Menurutnya, setiap calon akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM160 bagi menampung kos operasi terlibat.

"Pemohon perlu menjalani program amali penunggangan, informasi memanduan selamat dan informasi pengoperasian motosikal berkuasa tinggi untuk tempoh dua jam.

"Melalui program tersebut, pemohon mesti mendapatkan pengesahan tahap keupayaan mengendalikan motosikal berkuasa besar oleh Qualified Training Officer (QTO) di IM.

"Pengesahan ini amat penting bagi memastikan tahap kompetensi dan keupayaan seseorang untuk mengendalikan motosikal berkuasa tinggi demi meningkatkan tahap keselamatan pemanduan individu terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan

# Pemegang lesen B1, B2 lebih 10 tahun layak mohon kelas B



Pemohon perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan antaranya menghadiri dan lulus program peralihan serta penyesuaian motosikal berkuasa 500cc ke atas di institut memandu.

- Gambar hiasan

LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

peringkat Kementerian Pengangkutan, di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu beliau menjelaskan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kini sedang di fasa akhir persiapan bagi memperkenalkan program peralihan khas termasuk melaksanakan semua perubahan sistem dan penyelaras dengan pihak IM.

Program khas itu menurutnya, tidak mempunyai tempoh masa tamat dan akan diteruskan sehingga dimaklumkan kemudian.

Sementara itu Anthony turut memaklumkan, LMM kelas B1 akan digabungkan dengan kelas B susulan mengambil kira permintaan mendapatkan lesen tersebut terlalu rendah setiap tahun.

Justeru katanya, bermula 1

Oktober depan tiada lagi program LMM kelas B1 di IM akan dibuka kepada orang ramai.

"Dengan mendapatkan LMM motosikal kelas B, individu layak memandu semua kuasa cc motosikal dan tidak terhad kepada 499cc ke bawah bagi kelas B1.

"Bagi pemegang lesen B1 sedia ada, mereka akan kekal di kategori berkenaan atau boleh menjalani program khas bagi mendapatkan kelas B sekiranya memenuhi syarat ditetapkan," ujarnya.

## INFO HARGA LESEN MEMANDU

Motosikal B2 (tidak lebih 250cc)  
**RM350 - RM450**

Motosikal B (lebih 500 cc)  
**RM900 - RM1,200**

Lesen memandu kereta manual D  
**RM1,150 - RM1,600**

Lesen memandu kereta transmisi auto automatik DA  
**RM1,250 - RM1,600**

## PIMA tunggu perincian pelaksanaan program khas peralihan lesen B

SHAH ALAM - Persatuan Institut Memandu Malaysia (PIMA) masih menunggu perincian mengenai pelaksanaan program khas peralihan untuk mendapatkan lesen B yang membabitkan pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) kelas B1 dan B2 selama lebih 10 tahun.

Presidennya, Mat Aris Bakar berkata, pihaknya masih belum mendapat maklumat lengkap mengenai perkara tersebut.

"Kita tidak nampak lagi bagaimana pelaksanaan dan prosedur operasi standard (SOP) yang bakal dilakukan oleh kerajaan."

"Oleh itu, kami memerlukan sedikit masa bagi memastikan semuanya diperjelas dengan terperinci. Mungkin dalam seminggu atau dua minggu kita dapat tahu, lihat dulu pelaksanaannya macam mana."

"Sekarang tidak nampak lagi sebab baru sahaja diumumkan," ujarnya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.



MAT ARIS

# Hidupkan ajaran Islam, usah putus berdoa

Manusia perlu sentiasa bermohon dihindari perbuatan buruk makhluk, kerosakan yang semakin berleluasa

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Sejak** beberapa tahun kebelakangan ini, negara dikejutkan dengan pelbagai kes pembunuhan sadis, seolah-olah pelakunya atau suspek sudah mati sifat kemanisan dan tiada lagi simpati sesama insan.

Ada kes dan cara pembunuhan dilakukan suspek itu di luar jangkaan pemikiran manusia seperti tidak memiliki pegangan agama. Namun apabila pihak berkuasa menjalankan siasatan, ada pelaku mempunyai latar belakang pendidikan agama dan keluarga baik dan tidak mempunyai masalah hidup kronik atau salah laku menjah lampau.

Kes pembunuhan bekas penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nur Farah Kartini Abdullah, 25, yang mayatnya ditemui di ladang kelapa sawit di Felda Gedangsa, Hulu Selangor pada 15 Julai lalu dan kes kematian kanak-kanak, Zayn Rayyan Abdul Matin ditemui penduduk dekat anak sungai pada jarak 100 meter dari kediaman keluarganya di Daman-sara Damai, Petaling Jaya adalah kes yang dianggap tragik.

Pada 22 Mei lalu, seorang pekerja restoran Nur Anisah Abdul Wahab, 21, sedang hamil dibunuhi kejam dengan ditikam, dikelar perut dan dibakar di sekitar kebun kelapa sawit Jalan Sungai Limau, Sabak Bernam.

Kes pembunuhan seumpama ini menggesahkan hadis Rasulullah SAW iaitu dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda mak-sudnya: "Demi zat yang jiwaku berada dalam genggaman-Nya, dunia ini tidak akan musnah sehingga manusia saling berbunuhan antara satu sama lain tanpa mengetahui apa penyebabnya. Demikian juga orang dibunuhi, dia tidak mengetahui apa penyebab dia dibunuhi. Maka mereka bertanya kepada Baginda: Bagaimana perkara ini boleh terjadi? Baginda menjawab: Itulah al-Hajr, yang membunuhan dan yang dibunuhi sama-sama di neraka".

Berdasarkan hadis ini, Mufti Selangor, Prof Madya Datuk Dr Anhar Opir berkata, masyarakat harus sedar Islam meletakkan nyawa

manusia pada tempat tinggi.

Katanya, setiap nyawa manusia tanpa mengira agama dan kaum adalah sangat bernilai di sisi Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 32 bermaksud: "Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) demikian itu kami tetapkan atas Bani Israel, bahwasanya sesiapa membunuh seorang manusia dengan tiada alasan membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia membunuh manusia semuanya; dan sesiapa menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia menjaga keselamatan hidup manusia semuanya," katanya.

Beliau berkata, memelihara nyawa atau 'Hifz al-Nafs' adalah salah satu daripada Daruriyyat al-Khams yang juga Maqasid Syariah.

"Kata Imam al-Syatibi, 'Sesungguhnya apabila Allah SWT mensyariatkan hukum, sebenarnya bertujuan memelihara kemaslahatan manusia'. Islam meletakkan aspek pencegahan dalam pemeliharaan nyawa manusia menerusi hukum-hukum jinayah seperti hudud, qisas dan ta'zir. Allah SWT menentukan hukum qisas bagi pelaku jenayah khususnya orang membunuhan orang lain.

"Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 178 bermaksud, 'Wahai orang beriman. Diwajibkan kamu menjalankan hukuman qisas (balasan seimbang) dalam perkara orang mati dibunuhi iaitu orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Maka

sesiapa (pembunuh) dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (pihak terbunuh), maka hendaklah orang mengampunkan itu mengikut cara baik (menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah keringanan daripada Tuhan kamu serta suatu rahmat

kemudahan. Sesudah itu sesiapa melampaui batas (untuk membala denda pula) maka baginya azab seksa tidak terperi sakitnya," katanya.

Anhar menjelaskan, Rasulullah SAW turut menekankan kehormatan nyawa manusia dalam khutbah terakhir Baginda SAW di Mina bermaksud 'Sesungguhnya darah, harta dan maruah kalian mempunyai kehormatan seperti kehormatan hari ini, pada bulan ini dan tanah air ini'.

"Pembunuhan berleluasa adalah sebahagian daripada fitnah akhir zaman yang juga tanda kiamat seperti disebutkan dalam hadis daripada Abu Hurairah RA iaitu 'Tidak akan berlaku kiamat sehingga al-Harj berleluasa. Mereka bertanya: Apakah itu al-Harj Rasulullah? Baginda bersabda: Pembunuhan, pembunuhan.

(HR Bukhari)

"Dalam hadis lain menjelaskan pembunuhan berlaku bukan semata-mata antara orang Islam dengan orang Musyrikin dalam perjuangan menyebarkan Islam, tetapi pembunuhan itu berlaku dalam kalangan umat Islam sendiri," katanya.

Mengulas lanjut katanya, kejadian bunuh-membunuhan ini suatu keadaan seseorang berada di luar pertimbangan kemanusiaan, naluri tabiat seorang manusia tidak berasa belas dan ihsan hingga melakukan



**Kejadian bunuh-membunuhan ini suatu keadaan seseorang berada di luar pertimbangan kemanusiaan, naluri tabiat seorang manusia tidak berasa belas dan ihsan hingga melakukan kecederaan kepada orang lain apatah lagi sehingga menatihkan perbuatan membunuhan"**

Anhar Opir

kecederaan kepada orang lain apatah lagi sehingga menatihkan perbuatan membunuhan.

"Kerosakan semakin berleluasa dalam negara khususnya memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak. Hal ini berpunca daripada kesilapan kita mengatur kehidupan ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 41 bermaksud:

"Telah timbul pelbagai kerrosakan dan bala bencana di darat serta di laut dengan sebab apa dilakukan tangan manusia; (timbulnya demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebagian balasan perbuatan buruk mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)," katanya.

**Zaman dunia tanpa sempadan**  
Dalam institusi kekeluargaan, ibu bapa sebagai sekolah pertama kanak-kanak perlu mengawal maklumat diperoleh anak khususnya di media sosial termasuk video dilihat anak perlu ditapis terlebih dahulu sebelum didedahkan kepada mereka.

"Kita sedang berada di zaman dunia tanpa sempadan sehingga kanak-kanak begitu mudah akses pelbagai kandungan media sosial negatif jika tidak dikawal dengan baik."

"Elemen keganasan boleh masuk ke dalam minda anak-anak sejak usia muda sehingga menghilangkan nilai kemanusiaan menatihkan seorang manusia tiada pertimbangan ketika mereka meningkat dewasa."

"Kerajaan perlu mengambil inisiatif lebih tegas dari sudut penguatkuasaan undang-undang kepada pelaku jenayah membunuhan sebagai langkah pencegahan. Selain itu, warga pendidik boleh menerapkan nilai kemanusiaan dan sivil dalam semua subjek ilmu diajarkan," katanya.

Beliau berkata, umat Islam juga hendaklah meletakkan pertimbangan kepada Allah SWT, dengan mengamalkan doa memohon perlindungan daripada Allah SWT.

"Umat Islam berkewajipan menghidupkan agama dalam diri dan keluarga, menambahkan ilmu, meningkatkan amal soleh dan sebagainya," katanya.



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: POLITEKNIK SHAH ALAM JALIN KERJASAMA DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI CHINA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 22

TARIKH : 05/08/2024

B-Harian | 5/8 | m/s 22

## Politeknik Shah Alam jalin kerjasama dengan institut pendidikan di China

**Shah Alam:** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) memperluaskan kerjasama strategik dengan China melalui kolaborasi bersama Jiangxi Vocational and Technical College of Industry and Trade (JVTCIT), China.

Majlis menandatangani surat niat (LOI) di antara PSA dan JVTCIT itu disempurnakan oleh Pengarah PSA, Zainah Rujihan dan Presiden JVTCIT Wan Xiaobo yang juga Setiausaha Parti pemerintah republik itu diadakan di Jiangxi, baru-baru ini.

Zainah berkata, kerjasama itu bertujuan untuk memajukan program pendidikan dan penyelidikan khususnya dalam bidang internat benda (IOT) yang ketika ini sedang pesat berkembang di seluruh dunia.

"Melalui kerjasama ini, kita berharap dapat meningkatkan pembangunan akademik dan profesional pelajar serta pensyarah di kedua-dua institusi terutamanya dalam bidang teknologi.

"Kami juga merancang untuk mengadakan pelbagai program usaha sama antara kedua-dua institusi seperti pertukaran pendidikan, projek penyelidikan serta latihan meningkatkan kemahiran," katanya.



Zainah Rujihan dan Wan Xiaobo ketika majlis menandatangani surat niat.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: POLITEKNIK UNGKU OMAR DAFTAR PELAJAR POLYCC TERTINGGI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 23

TARIKH : 07/08/2024

Utusan Malaysia  
RABU • 7 OGOS 2024

23

## Politeknik Ungku Omar daftar pelajar POLYCC tertinggi

POLITEKNIK  
Ungku Omar (PUO)  
merekodkan pencapaian  
ambilan pelajar yang  
membanggakan apabila  
pendaftaran pelajar  
baru bagi Sesi 1  
Tahun 2024/2025 telah  
melebihi sasaran yang  
ditetapkan.

Dengan jumlah  
keseluruhan sebanyak  
1,765 pelajar, PUO  
mencatatkan jumlah  
pelajar TVET tertinggi di  
antara semua politeknik  
dan kolej komuniti di  
seluruh negara bagi  
ambilan sesi 1 Tahun  
2024/2025.

Daripada jumlah  
tersebut, 1,629  
merupakan pelajar  
daripada 17 program  
diploma, 123 pelajar  
Program Asasi  
Teknologi Kejuruteraan,  
dan 13 orang pelajar  
Program Sijil Kemahiran  
Pembinaan yang  
dikhususkan untuk  
pelajar kelainan upaya.

Pencapaian  
tersebut bukan sahaja  
mencerminkan  
kepercayaan  
masyarakat terhadap  
kualiti pendidikan  
yang ditawarkan  
oleh PUO, tetapi  
komitmen institusi  
berkenaan dalam  
menyokong agenda  
pendidikan negara  
dan meningkatkan  
kebolehpasaran  
graduan.

Peningkatan jumlah  
ini juga dibantu oleh  
usaha mempromosi  
keterlihatan institusi  
secara berterusan  
melalui pelbagai  
platform sama ada  
secara bersemuka,  
media konvensional  
atau secara digital.

Pengarah PUO, Dr.  
Shamsuri Abdullah  
turut menyatakan  
bahawa pencapaian  
ini mencerminkan  
keyakinan masyarakat  
terhadap persekitaran  
pembelajaran kondusif  
dan kualiti Pendidikan  
serta Latihan Teknikal.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM JADI PILIHAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 27

TARIKH : 07/08/2024

utusan Mylaysia | 7.8 | m/s 27

## Kolej Komuniti Sabak Bernam jadi pilihan

DALAM kesibukan ibu bapa dan penjaga seluruh negara menghantar anak-anak mendaftar ke institusi pengajian tinggi minggu ini, kolej komuniti turut membuat persiapan yang sama bagi tujuan memenuhi keperluan pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk generasi masa kini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), suami isteri yang merupakan arkitek di sektor awam mengambil peluang untuk menghantar anak mereka, Muhammad Alif Iskandar, 20, ke KKSBB untuk menyambung pengajian dalam Diploma Teknologi Senibina.

“Saya melihat peluang anak melanjutkan pelajaran di KKSBB sebagai satu peluang yang sangat baik dan melihat teknologi Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) pada masa akan datang adalah satu peluang yang sangat cerah untuk diterokai,” kata Intan Norshahrah, ibu kepada Muhammad Alif Iskandar.

Muhammad Alif

Iskandar yang sebelum ini merupakan pelajar lepasan Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti Jempol ditawarkan untuk menyambung pengajian dalam bidang yang sama di peringkat diploma.

Tawaran itu sangat dihargai kerana pada pandangannya keperluan teknologi (BIM) dalam silibus pendidikan sekarang amat diperlukan dan mendapat permintaan yang tinggi dalam industri.

Menurut Ketua Program Diploma Teknologi Senibina KKSBB, Muhamad Bukhari Othman, kolej berkenaan merupakan institusi rintis di bawah KPT yang menerapkan pendidikan dan teknologi BIM dalam silibus mereka.

“Kita sentiasa bekerjasama dan bekerja rapat dengan industri seperti Gamuda Engineering Sdn. Bhd. dan kurikulum kita sentiasa relevan dengan kehendak industri.

“Maka keboleh pasaran graduan KKSBB juga adalah 100 peratus,” ujarnya.

“Program tersebut menerima tajaan biasiswa daripada Gamuda sebanyak RM329,000 baru-baru ini,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TVET BUKAN PILIHAN KEDUA, KEMASUKAN PSIS MENINGKAT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA      MUKA SURAT : 27

TARIKH : 07/08/2024

UTUSAN MALAYSIA 7/8 MS 27

## TVET bukan pilihan kedua, kemasukan PSIS meningkat

<p>MINGGU ini merupakan pendaftaran pelajar baharu bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023 ke institusi pengajian tinggi, politeknik dan kolej komuniti seluruh negara turut menerima pelajar baharu.</p> <p>Di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), lebih 800 orang pelajar baharu mendaftar sempena Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I 2024/2025.</p> <p>Timbalan Pengarah Akademik PSIS, Zainuddin Kasmuri berkata, kemasukan pada sesi ini sangat positif, menunjukkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional</p>	<p>(TVET) bukan lagi pilihan kedua dan semakin diyakini.</p> <p>“Peningkatan kemasukan sebanyak 20 peratus menunjukkan ibu bapa dan pelajar percaya bahawa TVET bukan lagi pilihan kedua berikutan kemahiran dimiliki graduan dalam bidang itu amat diperlukan untuk menyokong kemajuan sektor industri.</p> <p>“Kini rakyat Malaysia mula melihat peluang pasaran terutama dalam bidang kemahiran tinggi melibatkan teknologi dan vokasional, sekali gus memudahkan pemain industri berkaitan mencari pekerja,” katanya.</p>
---	---

TAJUK: PEMAJU, KONTRAKTOR DIGESA BERI PELUANG GRADUAN TVET PEMBINAAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 07/08/2024

8

Nasional

Rabu, 7 Ogos 2024 BH

# Pemaju, kontraktor digesa beri peluang graduan TVET pembinaan

Langkah pastikan kebergantungan kepada pekerja asing diambil alih tenaga kerja mahir tempatan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemaju, kontraktor utama dan subkontraktor perumahan digesa memberi keutamaan kepada graduan aliran pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) pembinaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata sudah sampai

masanya kebergantungan negara kepada pekerja asing diambil alih oleh pekerja mahir tempatan.

Katanya, kerajaan akan mendukung usaha pengambilan graduan TVET terutama dari Akademi Binaan Malaysia (ABM).

“Ia bagi memastikan kualiti pembinaan di negara ini ditingkatkan dan tidak selama disumbangkan oleh ramai pekerja asing.

“Kita mahu melihat bahawa 100 peratus sektor pembinaan ini dijana oleh tenaga tempatan dalam bidang pembinaan,” katanya berucap pada Majlis Pelancaran Slogan CIDB Peneraju TVET Pembinaan Bersempena dengan Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) & CIDB Technologies bagi Wilayah Tengah di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

tawaran pekerjaan sebelum tamat kursus,” katanya.

#### Kenal pasti fasiliti

Sementara itu, Alexander berkata, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) sudah mengenal pasti keperluan fasiliti dan infrastruktur pusat latihan dengan mengambil kira unjuran pelatih berkemahiran selaras dengan Dasar TVET Negara 2030.

Katanya, peruntukan tambahan diperlukan untuk menaik taraf infrastruktur dan fasiliti di pusat latihan sedia ada supaya kemudahan ditawarkan memenuhi keperluan pembelajaran dan piawaian antarabangsa.

“Kementerian berharap kerajaan dapat mempertimbangkan peruntukan tambahan untuk membina ABM di Sabah dan Selangor, selain menaik taraf pusat latihan sedia ada,” katanya.



Ahmad Zahid mencuba alat interaktif sambil diperhatikan Alexander ketika melawat ke reraui CIDB sempena Majlis Pelancaran Slogan CIDB Peneraju TVET Pembinaan Bersempena Majlis Graduasi ABM & CIDB Technologies di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

TAJUK: ARIF HAMPIR TOLAK TAWARAN BELAJAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 36

TARIKH : 07/08/2024

36 | Utusan Malaysia  
RABU • 7 OGOS 2024

Dalam Negeri

# Arif hampir tolak tawaran belajar

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**KULIM:** Hasrat menyambung pengajian hampir sahaja dilupakan seorang remaja dari keluarga kurang berkemampuan walaupun ditawarkan tempat di sebuah universiti awam dan politeknik di sini.

Arif Mahmudi Shamsul, 18, berkata, dia menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Kejuruteraan Bahan di Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB).

"Ayah hanya bermiaga sendiri secara kecil-kecilan, jadi disebabkan kekangan kewangan, dia tidak mampu nak menanggung yuran pengajian saya di universiti yang mencérah ribuan ringgit."

"Saya juga hampir tolak tawaran ke politeknik kerana mahu bekerja agar dapat bantu meringankan beban kewangan keluarga, namun mujur saya dihubungi seorang pensyarah di PTSB yang meyakinkan saya un-



ARIF Mahmudi Shamsul (dua kanan) bersama Sharifah Daud (kanan) serta Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik PTSB, Ida Safinar Aziz (kiri) dan Ketua Unit Pengurusan Psikologi PTSB, Mohd. Hanif Hafizri Jalil ketika sesi pendaftaran pelajar baharu politeknik itu di Kulim.

tuk terus sambung belajar," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Arif Mahmudi turut berdepan ujian hebat apabila bapanya, Shamsul Ali, 52, meninggal du-

nia akibat masalah jantung, dua hari sebelum mendaftar.

Anak keempat daripada tujuh beradik berasal dari Tamans Kempas, Sungai Petani itu

berkata, dia juga kematian ibu sejak masih kecil dan kini hanya menumpang kasih dengan ibu tirinya.

"Dua kakak dan abang saya

sudah bekerja sebagai juruwang dan bekerja di kilang. Walaupun mereka ada tetapi tanggungjawab untuk menjaga tiga lagi adik-adik kami turut dipikul saya bersama kakak-kakak dan abang.

"Malah, adik saya yang berusia 17 tahun terpaksa berhenti sekolah kerana kekangan kewangan dan kini bekerja di kedai makan, manakala dua lagi adik berusia 13 dan 15 tahun masih belajar di Madrasah Nurul Iman Batu Lima, Sik," katanya.

Dalam pada itu, pensyarah PTSB, Sharipah Daud yang menghubungi Arif Mahmudi berkata, dia bersungguh-sungguh meyakinkan pelajar itu untuk menyambung pengajian setelah mengetahui kisah dihadapinya.

"Saya katakan kepadanya agar jangan risau tentang bayaran kerana di politeknik yuran hanya sekitar RM200 dan dia juga layak menerima bantuan zakat Kedah sebanyak RM800 serta bantuan lain yang diurus Pusat Dakwah dan Tarbiah Al-Jazari serta Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar PTSB," katanya.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SHAMSUL AZRI ABU BAKAR DILANTIK KSN BAHRU

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 03

TARIKH : 08/08/2024

Dalam Negeri

Utusan Malaysia  
KHAMIS • 8 OGOS 2024

3

# Shamsul Azri Abu Bakar dilantik KSN baharu

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar dilantik Ketua Setiausaha Negara baharu berkuat kuasa 12 Ogos ini.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan memaklumkan, pelantikan itu telah diperkenan Yang di-Pertuan Agong bagi menggantikan Tan Sri Mohd. Zuki Ali yang akan tamat kontrak pada 10 Ogos ini.

Katanya, Shamsul Azri, 55, bekas Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Pentadbiran Perniagaan) dari University of Tulsa Oklahoma, Amerika Syarikat.

"Beliau juga menerima pendidikan dengan beberapa institusi antarabangsa antaranya University of Cambridge, United Kingdom dan European Institute of Business Administration (INSEAD).

"Beliau mempunyai pengalaman



SHAMSUL AZRI ABU BAKAR

man selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam, pernah bertugas di Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Kerajaan Negeri," katanya.

Pada masa sama, kerajaan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Mohd. Zuki

atas segala khidmat bakti beliau sepanjang memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara.

Ini khususnya dalam usaha-usaha mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan memperkenalkan pelbagai pembaharuan demi memastikan agenda pembangunan negara dilaksanakan dengan jayanya.

Mohd. Zuki dilantik sebagai KSN pada 31 Disember 2019 dan beliau menjawat semula jawatan itu secara kontrak untuk tempoh dua tahun mulai 11 Ogos 2022 hingga 10 Ogos 2024.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Nanyang University, Singapura pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mem-

beri bayangan untuk memberikan tugas lain kepada Mohd. Zuki selepas persaraannya dalam perkhidmatan awam.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut apakah tugas lain yang akan diberikan bagi membantu kerajaan dalam menjayakan agenda Malaysia Madani.


Menurut Anwar, sejak hari pertama beliau menjawat Perdana Menteri, segala nasihat dan pandangan Mohd. Zuki adalah secara konsisten yang terbaik untuk perkhidmatan awam dan negara.

Kata beliau, ini termasuk merujuk pandangannya dalam beberapa keputusan penting kerajaan terutama berhubung Kajian Skim Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Anwar pada masa sama menyatakan penghargaan dan rasa terhutang budi kerana walaupun Mohd. Zuki berpengalaman dengan beberapa Perdana Menteri sebelum ini, tetapi tetap menjalankan khidmat benar-benar profesional.

## SENYUM KAMBING

Penjawat awam naik gaji paling tinggi kali ini.



Syukur... Alhamdulillah.

## MENARIK DI DALAM



### GAYA HITS

'Lebih berhati-hati, malang tak berbau' »22

BH 8/8/24

Nasional 3



Fahmi pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## ANGKETA MEDIA

# Penjawat awam terima kenaikan gaji sehingga 42.7 peratus

**Putrajaya:** Penjawat awam dalam kalangan kumpulan pelaksana dijangka menikmati kenaikan gaji melalui Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) sehingga 42.7 peratus.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata secara keseluruhan penjawat awam menerusi SSPA ini dijangka menerima peningkatan pendapatan atau gaji sekitar 15 hingga 42.7 peratus.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan gambaran secara umum peningkatan gaji penjawat awam itu boleh diketahui bermula minggu depan.

"Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, yang akan mula diedarkan minggu depan adalah garis panduan berkaitan kenaikan gaji penjawat awam.

"Jadi, insya-Allah bermula minggu depan, kita akan dapat gambaran secara umum peningkatan gaji penjawat awam yang dijangka sekitar 15 hingga 42.7 peratus.

"Peningkatan ini bagi kumpulan pelaksana paling tinggi, manakala bagi kumpulan seperti KSU (Ketua Setiausaha), Ketua Pengarah peningkatannya lebih sederhana," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Sebelum ini, penjawat awam dilapor boleh menyemak dan mengetahui kadar baharu gaji masing-masing minggu depan susulan pelarasan gaji menerusi SSPA yang diperkenal kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Mohd Shaiful Ibrahim, berkata perincian berkenaan mekanisme pelarasan gaji penjawat awam itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 pada 16 Ogos ini.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, dalam mesyuarat Kabinet semalam Jemaah Menteri diingatkan bahawa terdapat beberapa perkara membabitkan aspek implikasi kewangan susulan kenaikan gaji penjawat awam.

Katanya, perkara berkaitan implikasi kewangan itu bukan sekadar dibawa dalam mesyuarat Kabinet, malah menerusi Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober ini.

"Jadi, untuk perincian terutama dari aspek jumlah yang perlu diperuntukkan bagi kenaikan gaji, perincian akan boleh dilihat dalam dokumen Belanjawan 2025," katanya.

TAJUK: TAK PERNAH MENYESAL SERTAI PALAPES

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 08/08/2024

14

Nasional

Khamis, 8 Ogos 2024 BH

# 'Tak pernah menyesal sertai PALAPES'

Isu bangsa bukan halangan berkurban demi negara

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Pekan:** "Impian saya selepas ini hanya satu, ingin terus berkhidmat sebagai tentera, sekali gus mencapai impian sejak kecil," kata Yoong Zhen Xuan, 24.

Selepas tiga tahun menjadi Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kampus Pekan, dia berazam untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Zhen Xuan berkata, dia tidak pernah menyesal atau rendah diri menganggotai PALAPES yang disifatkannya berjaya mencetuskan semangat cinta dan sayangkan negara kepada dirinya.

"Setiap kali menyarung seragam PALAPES, saya akan berasa megah dan bangga. Malah setiap



Zhen Xuan (kanan) bersama Wei Qie serta Yunganathsn dan N Nageshwaran (kiri) bangga menganggotai PALAPES (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

kali mengikuti latihan kawad dan pertempuran bersama rakan berbangsa Melayu, saya tak pernah berasa disisihkan.

"Isu bangsa bukan halangan buat saya berkurban untuk negara dicintai ini. Faktor ini mendorong saya untuk berkhidmat dalam ATM selepas menamatkan pengajian di UMPSA nanti," katanya.

Beliau ditemui pada Perbarisan Penutup Latihan Kem Tanahun Gabungan Rejimen 505 Askar Wataniah dan PALAPES UMPSA 2024 di Kem Force 136 di Sungai Miang, di sini semalam.

Zhen Xuan yang sedang me-

lanjutkan pengajian Ijazah Kejuruteraan Mekanik, berkata minatnya menyertai PALAPES mendedahkan dirinya terhadap latihan ketenteraan yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

## Semangat setia kawan

"Saya juga berpeluang belajar cara memasak dan ikhtiar hidup dalam hutan selain dapat membentuk semangat setia kawan tanpa mengira bangsa.

"Saya berharap lebih ramai lagi penuntut berbangsa Cina, India dan bangsa lain dapat menganggotai PALAPES sepanjang belajar di universiti," ka-

tanya yang berasal dari Ipoh, Perak.

Rakannya, Tan Wei Qie, 22, berkata PALAPES memberi pendedahan untuknya lebih berdiskusi dan menjalin persahabatan dengan rakan pelbagai bangsa serta latar belakang.

Katanya, walaupun penat mengikuti latihan kawad dan aktiviti ketenteraan, ia tidak melemahkan semangatnya untuk terus menganggotai PALAPES.

Sementara itu, D Yunganathsn, 21, berbangga terpilih menganggotai PALAPES yang dapat membentuk jati diri serta semangat cinta pada negara.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: MAHASISWA PERLU DILENGKAPKAN PRINSIP KELESTARIAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 09/08/2024

# Mahasiswa perlu dilengkapan prinsip kelestarian

**Nurul Nadiah Ahmad,**  
Pensyarah Kanan,  
Universiti Tenaga  
Nasional

**Mahasiswa** adalah bakal peneraju kepemimpinan masa hadapan. Mereka akan menjadi perancang dan pembuat keputusan yang bertanggungjawab terhadap kemajuan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara dalam pelbagai aspek.


Oleh itu, proses pembelajaran yang holistik dengan menekankan dan membudayakan peranan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) adalah amat penting untuk dititikberatkan dalam membentuk masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab.

ESG adalah satu usaha penting dalam membentuk masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan sejagat dari aspek alam sekitar, sosial dan pengurusan. Bagaimanapun, proses ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak bagi membantu mahasiswa memahami ESG dengan lebih mendalam.

Mahasiswa perlu memperkuuh dan menerapkan nilai kesejahteraan, daya cipta kreatif dan elemen manusawi dalam diri mereka dengan membabitkan diri dalam aktiviti dalam dan luar kampus.

Selain itu, mahasiswa juga perlu aktif dalam aktiviti sukarela yang menyokong inisiatif ESG dan mempromosikan kelestarian, seperti program kitar semula, penanaman pokok, dan bantuan kepada komuniti yang kurang bernasib baik.

Dalam hal ini, pensyarah juga memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai ESG dalam kalangan pelajar mereka. Pensyarah perlu melengkapan diri dengan ilmu dan pengalaman yang relevan supaya mereka dapat memudahkan



pengajaran dan pembelajaran dengan memberikan pemahaman serta kesedaran mengenai ESG yang sesuai dengan perkembangan zaman.

## Universiti perlu jadi pemangkin

Universiti dan pusat pengajian tinggi perlu memainkan peranan sebagai pemangkin, contoh teladan (*role model*) dan penanda aras kepada mahasiswa dalam prinsip kelestarian dengan memperkenalkan dan menerapkan amalan kelestarian di dalam kampus. Ini sejajar dengan usaha mencapai sasaran pembangunan kampus lestari.

Industri juga perlu membantu mahasiswa memahami ESG sebagai satu cara integrasi dalam

tata kerja korporat di Malaysia. Industri boleh memberikan bimbingan praktikal berkenaan ESG kepada mahasiswa dengan menekankan kriteria ESG yang penting dalam sesebuah organisasi.

Menerusi pembabitan dan sokongan daripada semua pihak, mahasiswa sebagai bakal pemimpin ini dapat memantapkan lagi kebolehan mengurus dan menangani isu alam sekitar dan sosial seperti perubahan iklim, kemiskinan, jantina, dan ketidaksesuaian sosial.

Ini sejajar matlamat global dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) untuk mewujudkan dunia yang lebih baik dalam arus peralihan global kepada pembangunan yang mampan.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

TAJUK: PENUNTUT IPT SASARAN SINDIKET AKAUN KELDAI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 07

TARIKH : 15/08/2024

BH Khamis, 15 Ogos 2024

Nasional

7

# Penuntut IPT sasaran sindiket akaun keldai

**Pelajar mudah diperdaya tawaran wang ringgit tanpa mengetahui risiko ditanggung**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenal pasti lebih 208,000 akaun keldai yang digunakan untuk tujuan penipuan dalam talian dengan sebagianya adalah milik penuntut institut pengajian tinggi (IPT).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata golongan terbabit berisiko terdedah menjadi keldai akaun kerana mereka mudah terpedaya dan terpengaruh dengan wang ringgit, selain pelajar IPT biasanya memiliki tiga hingga empat akaun.

"Sehubungan itu, kita meminta supaya pelajar jangan mengambil mudah, akaun bank ini bukan macam kad pengenalan...ia bukan boleh dipindah-pindah atau dipinjamkan kepada orang."

"Saya bagi contoh, rakan mahu pinjam akaun bank sekejap kononnya untuk buat bayaran sewa

rumah sebab akaun saya tidak boleh pakai atau pelbagai alasan digunakan.

"Justeru, pelajar perlu ada perasaan curiga dan cuak yang akaun boleh digunakan untuk penipuan.

"Pelajar ini adalah golongan rentan dan mudah terpedaya apabila diumpan bayaran RM100, RM500 dan RM1,000 untuk pinjam akaun mereka," katanya ketika ditemui pemberita di Balai Berita NSTP, di sini, semalam.

Terdahulu, Ramli menjadi pen-  
ceramah dalam Board Of Directors Workshop anjuran Media Prima Berhad (Media Prima) bersama Pengarah Urusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Azalima Adham.

Turut menyertai sesi itu Pe-  
ngerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussain Alju-  
nid; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali; Pengarang Urusan Kumpulan New Straits Times Press (NSTP), Da-  
tuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Farrah Naz Karim dan Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH), M Thillinadan.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Na-  
sution Ismail, dilaporkan berkata, polis mengesas kes membabitkan penuntut IPT memberi kebenaran kepada sindiket penipuan dalam talian menggunakan



Ramli menyampaikan ceramah pada majlis Board Of Directors Workshop yang dihadiri pengurusan kanan Media Prima di Balai Berita, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

akaun bank mereka.

Saifuddin berkata, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap penuntut berkenaan berdasarkan pindaan Seksyen 424 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman terhadap pemegang akaun bank jika membenarkan pihak ketiga menggunakan kannya.

Dalam perkembangan sama, Ramli berkata, pihaknya yakin penipuan wang dalam talian boleh disekat di peringkat pertama sebaik pindaan Kanun Keseksaan (Akta 574) yang sudah diluluskan di Dewan Rakyat, bulan lalu dikuatkuasakan.

## Pindah banyak lapisan akaun

Beliau berkata, penipuan wang dalam talian biasanya membabitkan pemindahan wang ke banyak lapisan akaun berbeza.

Justeru katanya, sekiranya mangsa menghubungi talian 997 dengan kadar segera, mereka masih mempunyai peluang untuk menyekat wang merka daripada

dipindahkan ke beberapa akaun berbeza.

"Ada proses dan prosedur duit itu tidak dipindahkan kerana (penipuan wang dalam talian) membatikan beberapa lapisan akaun.

"Malah ada yang mencécah hingga 10 lapisan akaun...untuk mendapatkan wang itu semula, kita harap ia boleh dilakukan dengan undang-undang baharu yang boleh menyekat pindahan wang itu di lapisan pertama lagi," katanya.

Talian 997 adalah kerjasama antara agensi yang membabitkan PDRM, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Pusat Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Ia dikenali sebagai Pusat Respon Scam Kebangsaan (NSRC) yang diwujudkan sebagai pusat operasi untuk menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian.

Ramli turut meminta pihak media untuk meningkatkan pe-

ranan dalam menyebarluaskan pemahaman modus operandi digunakan penjenayah siber untuk menjerat masyarakat.

Ini kerana pihaknya mendapati lebih 80 peratus aduan polis yang dibuat orang ramai membabitkan jenayah penipuan.

"Berdasarkan teori, daripada 500,000 individu yang didekati dalam kempen kesedaran, hanya kira-kira 100,000 yang peka terhadap jenayah siber terbabit.

"Sementara 400,000 lagi masih terdedah dengan dan memerlukan usaha berterusan khususnya kegiatan penipuan melalui telefon yang kini menjadi trend," katanya.

Katanya, polis menjangkakan jumlah kerugian akibat jenayah penipuan siber yang kini direkodkan RM753.5 juta sepanjang enam bulan pertama tahun ini akan terus meningkat.

Berdasarkan statistik PDRM dari Januari hingga Jun lalu, penipuan pelaburan mencatatkan kerugian tertinggi iaitu RM345.6 juta, diikuti penipuan telekomunikasi (RM197.2 juta), love scam (RM128.8 juta); penipuan e-perdagangan (RM32.5 juta), e-kewangan (RM30 juta) dan penipuan pinjaman (RM19.4 juta).



Ramli Mohamed Yoosuf

TAJUK: BUKA MINDA PELAJAR SERTAI TVET, STEM

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 09

TARIKH : 16/08/2024

BH Jumaat, 16 Ogos 2024

Nasional

9

# Buka minda pelajar sertai TVET, STEM

**Discover PETRONAS @Schools beri pendedahan kerjaya masa depan**

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Program Discover PETRONAS @School anjuran PETRONAS bukan sahaja mendapat sambutan baik malah membuka peluang dan menyuntik minat pelajar sekolah di Melaka untuk meneroka bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta peluang pekerjaan berkaitan industri tenaga.

Inisiatif ini selari dengan Dasar TVET Negara 2030 yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

Inisiatif ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) yang menelekkan pendidikan STEM pada peringkat sekolah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan sokongan pelbagai pihak berkepentingan.

Berlangsung selama sehari di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selandar pada 10 Julai lalu, seramai 150 pelajar Tingkatan 4 dan 5 aliran TVET dari 10 sekolah di Melaka terlibat menyertai program yang dirancang khusus oleh Jabatan Pelaburan Modal Insan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia Kumpulan, PETRONAS.

Program dirasmikan oleh Pengurus Besar PETRONAS Wilayah Selatan, Mohd Zaki Mahat dan turut dihadiri Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka, Jamsari Mariman; Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JP) Wilayah Selatan, Mohammad Musa Ahmad; Pengarah ILP Selandar, Ts Rostam Hashim dan Pengurus Kanan, Pengurusan Hubungan & Kerjasama Strategi Pendidikan, Jabatan Pelaburan Modal Insan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia Kumpulan PETRONAS, Liana Haris.

Dalam ucapannya, Mohd Zaki

berkata, PETRONAS sentiasa komited untuk membantu pelajar untuk terus cemerlang dalam pendidikan, terutamanya dalam bidang STEM dan TVET.

Tegas beliau, komitmen itu dizahirkan melalui pengajuan program berfokuskan pendidikan seperti Program Duta Guru, Melaka Future Talent, SPM Motivational Camp dan terkini program Discover PETRONAS @Schools (DPS).

"Hasrat kami bukan sahaja membimbing, tetapi juga membantu kalangan pelajar untuk merancang hala tuju dan cita-cita selepas menamatkan persekolahan serta menyokong pembangunan anak yang bakal menjadi generasi pemimpin negara pada masa depan," katanya sambil memaklumkan lebih 27,000 pelajar menengah atas mendapat manfaat daripada program DPS sejak 2014 hingga tahun lalu.

## Perkongsian pendidikan dan kerjaya

Aktiviti sokongan turut disediakan bagi meningkatkan lagi pengetahuan para pelajar yang hadir seperti penerangan inisiatif Penajaan Pendidikan PETRONAS, perkongsian mengenai kursus ditawarkan oleh Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP) dan JPK serta pameran Pendidikan oleh pelbagai pihak berkaitan seperti Akademi Laut Malaysia (ALAM), Akademi Binaan Malaysia (ABM), Petrosains, Politeknik Malaysia, Institut Kemahiran Belia Negera (IKBN), GiatMARA dan Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang (ILPG).

Mohd Zaki berkata, JPK Wilayah Selatan turut menjadi rakan strategik dengan menganjurkan Program Teroka Potensi Kemahiran Dalam Kerjaya dan Kejaaman Melalui TVET 2024 untuk 100 guru kaunselor dari sekolah terpilih di Melaka.

"Menerusi program ini, guru kaunselor diberi pendedahan berkaitan peluang kerjaya dan latihan berkaitan TVET selepas SPM untuk disampaikan kepada pelajar di sekolah masing-masing," katanya.

## Penerapan pembelajaran secara praktikal

Tidak hanya didedahkan dengan peluang kerjaya serta inisiatif penajaan pendidikan, pelajar juga terbabit dengan pelbagai aktiviti interaktif yang mengasah kemahiran mereka dalam berfikir dan menyelesaikan masalah.

Menurut Mohd Zaki, antara aktiviti berasaskan TVET yang diketengahkan dalam program DPS ini termasuk *nerdy derby*, *mini drone*, *gas detector*, *solder badge* dan *cube circuit* yang di-

pimpin Petrosains. Melalui aktiviti ini pelajar didedahkan kepada kemahiran teknikal yang diperlukan dalam sektor tenaga.

"Sukarelawan kami yang terdiri daripada pakar teknikal, pakar teknologi maklumat daripada Malaysian Refining Company Sdn Bhd (MRCSB) dan PETRONAS Gas Berhad turut memberi tunjuk ajar dan panduan kepada pelajar berkaitan kerjaya di dalam bidang ini.

"Sebagai fasilitator program, mereka turut memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar untuk terus berkecimpung dalam mata pelajaran TVET pada usia muda," katanya.

## Pupuk minat murid dan guru

Sementara itu, beberapa pelajar yang ditemui bual teruja kerana dapat menyertai program yang dapat membuka mata mereka kepada pelbagai aspek menarik dalam industri tenaga.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Baru, Putri Batrisya Abdul Rahim berkata, menerusi informasi dan aktiviti di setiap reraui pameran serta perkongsian pengalaman oleh sukarelawan PETRONAS, pelajar didedahkan dengan pelbagai informasi berkaitan kecanggihan teknologi bagi peralatan dalam industri tenaga.

"Banyak ilmu baharu yang saya dapat melalui program ini, misalnya berkenaan kehidupan pekerja *offshore* di pelantar minyak yang terletak jauh di tengah lautan dan peralatan yang mereka gunakan dalam industri ini.

"Saya juga teruja apabila dapat melihat dan mencuba teknologi *Augmented Reality* (realiti terimbuh) dan *Virtual Reality* (realiti maya) yang sangat maju dan terkini," katanya.

Menurutnya, kaedah penyampaian secara santai dan interaktif sangat memudahkan mereka untuk memahami dan menarik minat para pelajar yang mendengar.

"Sedikit sebanyak, minda saya lebih terbuka bahawa di PETRONAS terdapat banyak cabang kerja dan kemahiran termasuk berkaitan bidang perundungan yang juga impian saya suatu hari nanti," katanya yang turut berharap PETRONAS terus berkembang pesat dan membuka lebih banyak peluang kerja kepada rakyat Malaysia.

Rakannya, Mittrevin Supramani turut senada mengenai kebaikan program ini yang menyediakan banyak reraui pameran yang berinformasi.

"Saya suka dengan reraui JPK kerana mereka menyediakan informasi berkaitan teknologi robotik dan berpeluang un-



Zhun Hau, Putri Batrisya dan Mittrevin bersama dengan sukarelawan dari PETRONAS.

tuk turut serta dalam aktiviti yang disediakan. Selain itu, aktiviti praktikal yang disediakan oleh Petrosains seperti *nerdy derby* juga sangat menarik kerana menguji pemikiran dan penyelesaian cabaran secara kreatif melalui percubaan dalam membina serta ujian berulang yang meneroka konsep tenaga.

"Sebelum ini saya masih sama tentang impian saya, tapi selepas mengikuti program ini saya bercita-cita untuk menjadi jurutera PETRONAS kerana persekitaran kerja serta tawaran insentif yang menarik," katanya.

Bagi Eng Zhun Hau dari SMK Dang Anum, peluang menyertai program DPS buat kali pertama amat mengujakan.

"Program ini sangat bermafaat, banyak reraui pameran disediakan dan kami diberi penerangan berkaitan peluang kerjaya dan pendidikan dalam bidang kemahiran atau TVET."

"Dulu saya ingat PETRONAS hanya berkait dengan industri minyak sahaja, tapi sebenarnya pelbagai lagi. Malah, saya kini tahu perbezaan antara minyak petrol RON95 dan RON97 hasil dari penerangan yang diberikan," katanya.

Dalam perkembangan sama, guru kaunselor yang terbabit turut memuji program DPS serta Program Teroka Potensi Kemahiran Dalam Kerjaya dan Kejaaman Melalui TVET 2024 yang memberi maklumat baharu terutama dalam meningkatkan minat pelajar mereka terhadap STEM dan TVET.

Guru Kaunselor, M Amutha dari SMK Bukit Baru berkata, sekolah mengadakan pentaksiran psikometrik berkaitan personaliti pelajar yang memberikan pendedahan tentang kerjaya yang sesuai dengan personaliti mereka supaya dapat melihat kecenderungan dari segi akademik atau kemahiran.

"Bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5, menerusi program DPS, para pendidik seperti saya dapat memberi pendedahan awal berkenaan TVET," katanya.

Menurutnya, bagi memberi nilai tambah kepada program selepas ini, pihaknya mencadangkan bengkel tertentu diajak selari dengan maklumat yang diberikan untuk menambahkan lagi pengalaman praktikal kepada pelajar.

Guru Kaunselor dari SMK Musli Abdullah, Salinah Ahmad pula berkata, program itu amat bermakna untuk guru memperkenalkan bidang TVET kepada anak murid mereka.

"Program ini dapat membuka minda anak murid TVET yang terlibat agar tidak hanya melihat kerjaya sebagai jurutera sahaja."

"Ini kerana terdapat banyak bidang lain yang boleh diceburi mengikut kelayakan dan mereka juga berpeluang untuk meningkatkan kerjaya ke tahap profesional," katanya.

Beliau turut menyarankan program itu diperluas kepada semua sekolah menengah di Melaka untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar memahami bidang STEM dan TVET.

Guru Kaunselor dari SMK Selandar, Md Fadli Idrus, juga berpendapat bahawa program ini dapat membuka paradigma, mengembangkan pengetahuan dan yang paling penting, memperbanyak pilihan dalam merancang kerjaya pelajar pada masa depan.

Secara keseluruhannya, program DPS merupakan inisiatif pendidikan holistik yang bertujuan untuk membangkitkan rasa ingin tahu, memupuk inovasi serta bakat dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia, seterusnya menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam bidang sains dan teknologi.

Sejajar dengan tema ulang tahun ke-50 PETRONAS, "Bersama menyambung warisan, demi masa depan," PETRONAS akan terus komited dalam memperkasakan ilmu serta memberikan impak sosial yang positif yang terbaik kepada komuniti secara keseluruhannya.

## TAJUK: PROGRAM TVET AKAN DITAWAR KEPADA PELAJAR LUAR NEGARA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 29

TARIKH : 16/08/2024

SINAR AHAD | 18 OGOS 2024

NASIONAL

29

Dikendali pihak swasta supaya peluang pelajar tempatan tidak direbut

KUALA LUMPUR

**P**rogram Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini bakal ditawarkan kepada pelajar luar negara, namun ia akan dikendalikan pihak swasta, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, hal ini penting bagi memastikan tempat dan peluang latihan yang disediakan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar tempatan di institusi sedia ada, tidak direbut oleh pelajar luar negara.

Beliau berkata, dengan persekitaran dunia yang sudah berubah, TVET kini menjadi asas kepada ekosistem pendidikan baharu dan disebabkan itu, kerajaan bersedia untuk menawarkan latihan di 1,345 institusi TVET di seluruh negara.

"Tentunya bidang-bidang baharu (ditawarkan dalam latihan TVET) ini sesuai dengan pelaburan langsung asing (FDI) yang datang ke negara kita ke-

# Program TVET akan ditawar kepada pelajar luar negara



Ahmad Zahid (tengah) pada Program iFUTURE 202 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada Sabtu.

rana dalam sistem pendidikan, hanya 20 peratus pedagogi pendidikan dibuat di dalam kelas dan 80 peratus lagi di makmal, tempat kerja atau di lapangan.

"Perkara ini yang menarik dan pelajar luar negara juga akan ditawarkan latihan sama yang dikendalikan pihak swasta," katanya selepas menyampaikan ucptama pada Program

International Young Future Leaders Summit 2024 (iFUTURE 2024) di sini pada Sabtu.

Mendepni masa depan, Ahmad Zahid berkata, TVET harus dilihat sebagai satu bentuk penerobosan kepada anak-anak muda dalam mendapatkan jaminan pekerjaan daripada pemain-pemain industri.

"Ertinya apabila mereka ga-

gal atau tidak cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bukan bermaksud dunia kiamat. Tidak, sebaliknya kita guna TVET sebagai penerobosan baharu untuk mewarnai masa depan kerjaya mereka kerana ia ekosistem pendidikan baharu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Menteri Kemajuan Desa dan

Wilayah itu menggesa pemimpin muda memainkan peranan penting dalam memperjuangkan TVET sebagai laluan berharga untuk perkembangan kerjaya.

Beliau berkata, melalui TVET, mereka dapat membantu membentuk semula imej bidang itu dan menyerlahkan peranan kritis dalam memenuhi permintaan pasaran pekerjaan masa kini.

"Matlamat kami ialah menukar persepsi bahawa pendidikan akademik tradisional hanya satu-satunya jalan untuk berjaya. TVET (sebenarnya) menawarkan kepentingan seimbang dan banyak peluang dalam pelbagai industri dan sektor.

"Ia menyediakan laluan untuk individu melibatkan diri dalam kerja yang begitu bermakna, membina kerjaya dan menyumbang secara signifikan kepada bidang mereka," katanya.

Program julung kali dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi selama tiga hari bermula Jumaat itu, ialah usaha memastikan generasi pemimpin negara didekah dengan pelbagai isu nasional dan global. - Bernama

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SEJUTA PELAJAR IPTA DIBERI RM50 MULA PELABURAN ASB, ASM

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 02

TARIKH : 14/07/2024



Anwar melawat reruai selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2024 di Shah Alam, semalam.  
(Foto BERNAMA)

# Sejuta pelajar IPTA diberi RM50 mula pelaburan ASB, ASM

Peruntukan RM50 juta disedia jayakan program Celik Kewangan Belia MADANI

Oleh Hazwan Faisal  
Mohamad dan Farah  
Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pembetuan dana awal RM50 juta kepada sejuta pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi menjayakan program Celik Kewangan Belia MADANI.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, nilai pelaburan permulaan percuma sebanyak RM50 akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar, termasuk institusi pengajian vokasional baru.

Katanya, inisiatif itu bagi memastikan golongan belia merancang kewangan pada usia muda dengan menyimpan dan melabur bersama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) walaupun selepas tamat pengajian.

"Sasaran Celik Kewangan Belia MADANI membabitkan 200,000 pelajar setahun yang dibahagikan sama rata antara Permodalan Nasional Berhad (PNB), syarikat korporat dan kerajaan.

"Separuh daripada RM50 yang diberikan setiap pelajar ini adalah sumbangan daripada kerajaan, manakala baki RM25 akan ditaja oleh PNB dan syarikat korporat lain.

"Berdasarkan mekanisme ini-siatif tersebut, RM50 akan dikreditkan ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) pelajar IPTA, di mana nilai ini akan dikunci bagi tempoh lima tahun," katanya, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Pengurus Permodalan Nasional Berhad (PNB), Raja Tan Sri

Arshad Raja Tun Uda dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad

#### Harap kerjasama kolej, IPTA

Anwar berharap kolej dan universiti akan memberi kerjasama untuk memudahkan pelaksanaan program berkenaan.

Katanya, program itu bukan sahaja program kecilan, tetapi memenuhi satu kerangka dasar penting dalam negara iaitu mengurangkan ketidakseimbangan golongan kaya dan miskin.

"Ia juga menyelamatkan negara daripada keresahan golongan yang merasakan mereka terpinggir," katanya.

Inisiatif Celik Kewangan Belia MADANI akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat yang diselaraskan oleh ASNB.

ASNB akan bekerjasama dengan IPTA, institusi pengajian vokasional serta penaja korporat untuk pendaftaran pelajar baharu sebagai pemegang unit ASNB dan menganjurkan kempen celik kewangan untuk pelajar.

TAJUK: INOVASI 3 ANGGOTA RIG PORT DICKSON CEMERLANG DI BRAZIL

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 20

TARIKH : 25/08/2024

20

Nasional

25 Ogos 2024 BH AHAD

# Inovasi 3 anggota RIG Port Dickson cemerlang di Brazil

Pelajar raih Best Technical Startup (Startup Pro) pertandingan bola sepak robot

Oleh Mohd Khidir Zakaria  
bhnews@bh.com.my

**Port Dickson:** Politeknik Port Dickson (PPD) mencipta sejarah apabila pasukannya, Robotics Interest Groups (RIG) meraih anugerah Best Technical Startup (Kategori Startup Pro) dalam FIRA Challenge.

RIG Port Dickson membawakan Muhamad Syawal Sahrudin, 21; S Karthik, 19, dan

Letchmy Narayani, 20, bersaing dengan 13 pasukan terpilih lain dari pelbagai negara pada pertandingan dianjurkan secara hibrid berpusat di Brazil.

Kejohanan FIRA Roboworld Cup & Summit yang dianjurkan The Federation of International Robotics Association (FIRA) adalah salah satu pertandingan bola sepak robot yang tertua dan berprestij di dunia.

Penyelia Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) PPD, Khairuhisham Ramly, berkata pertandingan FIRA Challenge: Innovation and Business di FIRA Roboworld Cup & Summit 2024 yang berlangsung 5 hingga 9 Ogos itu amat bermakna.

“Kejohanan seperti ini sudah berkembang menjadi platform utama dalam dunia robotik, di mana sukan digunakan sebagai penanda aras bagi kemajuan

penyelidikan dalam bidang ini dan pada masa sama, memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan masyarakat,” katanya.

Kategori FIRA Challenge: Innovation and Business menitikberatkan aspek model perniagaan serta potensi pengkomersialan produk yang mana setiap pasukan perlu mengemukakan model perniagaan mantap untuk projek mereka.

## Projek Distribution Box Protector

“Pertandingan ini diadakan secara hibrid, di mana pasukan RIG PPD yang juga juara kebangsaan FIRA Malaysia 2024 bagi kategori ini, mempertandingkan projek pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

“Projek yang dipertaruhkan, Distribution Box Protector



(Dari kiri) S Karthik, Letchmy dan Muhamad Syawal bersama anugerah dimenangi mereka.  
(Foto ihsan Politeknik Port Dickson)

(DB-PRO) adalah hasil inovasi pelajar semester akhir.

“Ia berfungsi sebagai komponen keselamatan automatik untuk kotak agihan elektrik di rumah dalam situasi kebocoran gas atau litar pintas,” ujarnya.

Khairuhisham berkata, tiga pelajar berkenaan dilatih dengan tekun oleh jurulatih daripada pasukan teknikal RIG PPD (Innovation and Business) dalam aspek penyampaian, elemen kejuruteraan teknikal, pelan pemasaran, kajian pasaran dan strategi pengkomersialan.

“Kejayaan mereka tidak hanya terletak pada inovasi produk, tetapi juga pada kreativiti dalam penyampaian yang menarik perhatian juri dengan menggunakan konsep Podcast sebagai medium komunikasi.

“Kemenangan ini bukan sahaja mencerminkan keupayaan dan bakat luar biasa pelajar, tetapi juga mengukuhkan lagi kedudukan institusi ini sebagai peneraju dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat antarabangsa,” katanya.

TAJUK: HAMPIR TERLEPAS KONVOKESYEN KERANA TIADA INTERNET DI KAMPUNG

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 33

TARIKH : 30/08/2024

Dalam Negeri

Utusan Malaysia  
JUMAAT • 30 OGOS 2024

33

# Hampir terlepas konvokesyen kerana tiada internet di kampung

Oleh LIYANA RAMLI

utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Tiada liputan internet di kampungnya bukan penghalang buat seorang pelajar perempuan Orang Asli dari Kampung Sungai Choh, Tanjung Rambutan di sini untuk meraih segulung diploma Politeknik Ungku Omar (PUO) Ipoh.

Malah, graduan Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital), Wanika Itam, 25, turut menerima Anugerah Khas Industri pada Istiadat Konvokesyen PUO Ke-52 di sini semalam.

Wanika berkata, walaupun memulakan pengajian peringkat diploma ketika negara dilanda pandemik Covid-19, itu bukan penghalang untuknya menamatkan pengajian.

"Pada awal pengajian, saya terpaksa pergi ke pusat transit ibu mengandung bagi masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan liputan internet.

"Saya berada di sana seawal pukul 8 pagi hingga 5 petang dan keadaan itu berterusan sehingga pengajian di kelas dapat dijalankan secara bersama-sama," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, tiada liputan internet di kampungnya juga membuatkan penduduk sukar untuk berkomunikasi dengan dunia luar.

Katanya, jika mahukan liputan internet atau mahu menghubungi dengan orang luar, dia perlu keluar dari kampung dengan jarak kira-kira lapan kilometer.

"Saya hampir sahaja terlepas menghadiri istiadat konvokesyen kerana tidak mendapat maklumat awal mengenai konvokesyen ini."

"Saya hanya mendapat tahu akan menerima Anugerah Khas selepas saya keluar dari kampung mahu ke bandar. Saya dihubungi oleh pensyarah sehari sebelum istiadat konvokesyen ini berlangsung."

"Saya tidak sempat membuat apa-apa persiapan dan hanya sempat membeli sehelai tudung kerana tidak mendapat maklumat awal akan menghadiri konvokesyen dan menerima anugerah tersebut," katanya.

Sehubungan itu, dia berharap kampungnya akan mendapat capaian internet untuk kemudahan komunikasi penduduk.



WANIIKA Itam bersama bapa dan ibunya, Itam Udu, 54, dan Masayu Alang, 50, pada Istiadat Konvokesyen Politeknik Ungku Omar Ke-52 di Ipoh semalam. - UTUSAN/LIYANA RAMLI

Nasional

MS 8  
Jumat, 30 Ogos 2024 BH

# Malaysia kukuh kerjasama pendidikan di Timor-Leste

UniKL tawar biasiswa, jadi penyedia teknologi utama penubuhan politeknik

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ke Timor-Leste merekodkan beberapa pencapaian penting, khususnya dalam memperkuat sektor pendidikan tinggi.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, antaranya termasuk mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pendidikan tinggi melalui Universiti Teknikal MARA (UniKL) dan Kementerian Pendidikan Tinggi, Sains, dan Kebudayaan Timor-Leste.

Melalui kerjasama ini, katanya UniKL akan menawarkan 50 biasiswa kepada pelajar Timor-Leste, sekali gus membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Zahid berkata, UniKL akan menjadi penyedia teknologi utama bagi politeknik baharu yang akan ditubuhkan di Timor-Leste

dengan fokus diberikan kepada bidang Pemasaran Digital, Teknologi Makanan dan Pengurusan Pelancongan.

#### Tawar kursus pendek hibrid

"Pusat Peningkatan dan Pendidikan Berterusan (ACE) UniKL juga akan menawarkan kursus pendek hibrid dalam bidang kepimpinan, kewangan, pengurusan dan keusahawanan untuk pegawai kerajaan.

"Selain itu, Timor-Leste akan menghantar pelajar ijazah sarjana muda yang ditaja kerajaan ke UniKL bagi melanjutkan pengajian dalam bidang Kejuruteeraan Kimia (Proses dan Teknologi Makanan), Pelancongan dan Pentadbiran Perniagaan melalui pembelajaran jarak jauh terbuka," katanya melalui kenyataan media semalam.

Pada lawatan itu, Zahid berpeluang bertemu Presiden, José Ramos-Horta dan Perdana Menteri, Kay Rala Xanana Gusmão.

Beliau juga mengadakan pertemuan dengan beberapa menteri Kabinet termasuk Timbalan Perdana Menteri I yang juga Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Francisco Kalbuadi Lay serta Timbalan Perdana Menteri II serta Menteri Penyelaras Hal Ehwal Sosial, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Perumahan Komuniti, Mariano Assanami Sabino.

“FDCH yang membiayai bia-



Ahmad Zahid bertemu Kay Rala ketika lawatan di Timor Leste.

(Foto X Ahmad Zahid Hamidi)

Tambah Zahid, selain bidang pendidikan, memorandum persefahaman (MoU) turut dimeterai bersama Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Dana Pembangunan Modal Insan Timor-Leste (FDCH).

"Perjanjian ini memudahkan peningkatan jumlah pelajar Timor-Leste yang melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia serta mengukuhkan lagi kerjasama universiti antara kedua-dua negara.

"FDCH yang membiayai bia-

swa untuk pendidikan dan pembangunan modal insan juga akan menyokong 31 pelajar Timor-Leste dalam melanjutkan pengajian sarjana dan pasca siswazah di Malaysia bermula November ini," katanya.

Turut ditandatangani MoU antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan National University of Timor-Leste (UNTL) bertujuan memperkuat kerjasama dengan mempromosikan serta memudahkan aktiviti akademik, penyelidikan dan latihan.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GALAK RAKYAT TERBABIT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN: KKR  
LAKSANA INISIATIF SEJAJAR DASAR NCP

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 30

TARIKH : 30/08/2024

30  
**lokal**

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan menerusi Kementerian Kerja Raya (KKR) melaksanakan inisiatif utama sejajar dengan Dasar Industri Pembinaan Negara (NCP) untuk menggalakkan rakyat Malaysia terbabit dalam industri pembinaan.

NCP bertujuan membangunkan infrastruktur negara dengan menetapkan standard keselamatan, produktiviti dan kecekapan tinggi dalam sektor ini.

Menterinya, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi berkata, dasar itu juga menyokong matlamat Dasar TVET Negara 2030 untuk meningkatkan pendidikan dan latihan TVET dalam bidang teknikal dan vokasional, termasuk pembinaan, untuk memenuhi keperluan industri yang dinamik.

Jelasnya, NCP menetapkan pelbagai insentif seperti pembiayaan projek, bantuan latihan, dan inisiatif teknologi untuk menyokong pertumbuhan sektor pembinaan. Keseluruhannya, NCP menunjukkan komitmen kerajaan dalam membangunkan industri pembinaan.

"Agensi di bawah KKR, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) turut membangunkan Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021-2025 yang dirangka untuk memacu pembangunan dan transformasi industri pembinaan di Malaysia.

"Dalam CSP ini, impak matlamat jangka panjang telah digariskan, antaranya menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi

### GALAK RAKYAT TERBABIT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

# KKR laksana inisiatif sejajar dasar NCP



**"TVET menawarkan pendekatan praktikal dan teori yang dapat memenuhi keperluan industri semasa"**

Alexander Nanta Linggi

untuk warga tempatan dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan yang mempunyai kompetensi bernilai tinggi melalui program-program yang telah dibangunkan oleh CIDB," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas demikian terhadap laporan Harian Metro mengenai mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing menerusi pembangunan modal insan tem-

patan TVET.

Katanya, objektif itu mensasarkan peningkatan ketara dalam penyertaan, kesediaan, dan pengekalan rakyat Malaysia dengan kemahiran yang semakin diperlukan.

"Kompetensi bernilai tinggi ini dapat dicapai melalui Kerangka Kelayakan Kemahiran Pembinaan (CSQF) yang telah dibangunkan oleh CIDB Malaysia.

"KKR melihat pendidikan dan TVET sebagai instrumen penting dalam melatih lebih ramai generasi Malaysia terbabit dalam industri pembinaan. TVET menawarkan pendekatan praktikal dan teori yang dapat memenuhi keperluan industri semasa, sekali gus menyediakan tenaga kerja mahir berkelayakan tinggi.

"CIDB, melalui Akademi Binaan Malaysia (ABM), memainkan peranan utama dalam merealisasikan matlamat ini dengan beberapa inisiatif utama.

"Pertama sekali, CIDB memberi tajaan dan insentif kepada pelatih layak untuk mengikuti latihan di ABM. Tajaan ini merangkumi yuran pengajian, elauan makan, dan kemudahan-kemudahan lain," katanya.

Jelasnya, pelatih yang

menyertai program di ABM layak menerima elauan bulanan untuk membantu menampung kos hidup sepanjang tempoh latihan.

"Elauun ini memberi galakan tambahan kepada belia untuk mengikuti program latihan tersebut, memastikan mereka mendapat latihan yang berkualiti tanpa bebanan kewangan yang besar.

"Dalam usaha untuk meningkatkan kebolehgunaan graduan TVET, CIDB turut menjalankan kerjasama bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam industri pembinaan.

"Sebagai contoh, kolaborasi bersama syarikat MRCB meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET dalam tred operasi kren menara.

"Seterusnya, kerjasama erat dengan syarikat konglomerat minyak dan gas Malaysia iaitu Petronas dalam program pertuisi graduan-graduan ABM memberikan peluang kepada pelatih untuk mendapatkan pengalaman praktikal yang berharga," katanya.

Menurutnya, sejak dua dekad lalu, CIDB berjaya melahirkan 420,000 pekerja mahir dalam sektor pembinaan.

## Kemahiran dalam tulisan Braille buka peluang akses ilmu

**Kuala Lumpur:** "Wajib belajar bacaan Braille untuk berjaya. Pembelajaran kae-dah membaca tulisan Braille perlu dimulakan dari awal terutama membabitkan murid cacat penglihatan," ujar Pengurus Kl Braille Resources yang juga seorang orang kelainan upaya (OKU) penglihatan, Datuk Mah Hassan Omar.

Menurutnya, kemahiran membaca Braille membuka peluang meningkatkan kadar literasi dan peluang mengakses ilmu bagi masyarakat kurang upaya penglihatan.

Beliau ditemui pada Kolokium Pendidikan Orang Buta Pertama Malaysia yang mengumpulkan seramai hampir 50 peserta terdiri daripada wakil-wakil pemegang taruh pelbagai peringkat.

Antaranya Yayasan Orang Buta Malaysia (YOBM), Majlis kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM), Persatuan Cacat penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB), Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM), Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) dan wakil pertubuhan Muslim Care Malaysia (MCM).

"Kolokium pendidikan OKU penglihatan bertujuan membincangkan cakangan dalam sistem pendidikan orang buta yang boleh ditambah baik," katanya ketika ditemui pada program di hotel di Cheras di sini, semalam.

Sementara itu Ketua Projek Kolokium Pendidikan



MAH Hassan

kan Orang Buta Pertama Malaysia, Dr Mohd Norazmi Nordin berkata, tanggungjawab pendidikan bagi golongan cacat penglihatan perlu dipikul bersama agensi kerajaan, bukan kerajaan, sekolah termasuk NGO dalam membangunkan keperluan bahan bacaan Braille.

"Rata-rata peserta kolokium melahirkan rasa gembira dan syukur diatas kerjasama pertubuhan Muslim Care Malaysia (MCM) selaku penaja utama dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerbitkan kamus Braille untuk manfaat OKU.

"Alhamdulillah dengan adanya kamus braille ini akan melancarkan lagi proses pembelajaran dan memudahkan pelajar OKU mengenali sesuatu itu dengan lebih tepat," katanya.

Perkara sama turut disersetujui guru pendidikan khas, Wahida Abdul Rahman yang juga guru cemerlang khas penglihatan Sekolah Menengah Pendidikan Vokasional Indrapura Pulai, Johor.

# Terus bermunajat, jangan lari daripada medan pertempuran hidup



Oleh Zuhaimi Abdul Rahim  
bhagama@bh.com.my

Pengarah  
Pusat Islam,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)

**Sabu** hari, kita menyaksikan peningkatan kes jenayah semakin meningkat dalam masyarakat. Banyak berita mengenai kes bunuh, dera dan pelbagai jenayah lain dilaporkan hampir setiap hari di akhbar, menjadikan keselamatan diri dan keluarga semakin terancam serta menimbulkan kegusaran masyarakat.

Justeru, penting bagi kita untuk mula mengambil langkah proaktif serta meningkatkan pengetahuan aspek penjagaan diri dan keselamatan bersama secara menyeluruh, walaupun mungkin dilihat kecil.

Islam menekankan pentingnya menjaga keselamatan diri, termasuk menghindari situasi berbahaya dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi melindungi diri dan keluarga.

Mengambil ibrah daripada peristiwa hijrah Rasulullah SAW, bagaimana Baginda berhati-hati menghindari dikejar kaum Quraisy. Baginda bersembunyi di Gua Thur, mengambil jalan tidak biasa digunakan manusia untuk mengelirukan musuh.

Dalam konteks moden, ini boleh diterjemahkan kepada kebijaksanaan mengatur langkah keselamatan diri. Antara langkah boleh dilakukan adalah seperti mengunci pintu rumah, menggunakan alat keselamatan seperti kamera CCTV dan menghindari kawasan diketahui berbahaya.

Pada masa sama, sentiasa berfikir secara rasional dan mengambil iktibar atas apa yang berlaku sama ada kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan keadaan persekitaran, selain sentiasa merenung hal dosa dan pahala apabila berlaku kemudaratian.

Selain itu, setiap individu perlu mengetahui hak dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim serta memahami undang-undang dan peraturan yang ada.

Islam melarang umatnya membahayakan sesama manusia seperti dinyatakan pada Surah al-Maidah, ayat 32 bermaksud: "Bahwasanya sesiapa membunuh seorang manusia dengan tiada alasan membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerusakan di muka bumi, maka seolah-olah dia membunuh manusia semuanya. Dan sesiapa menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia menjaga keselamatan hidup manusia semuanya."

Ayat ini menekankan betapa besar dosa membunuh dan merosakkan kehidupan orang lain serta kepentingan seseorang menjaga keselamatan orang lain.

Pendidikan mengenai keselamatan diri dan kesedaran soal jenayah juga boleh membantu individu membuat keputusan bijak bagi menghindari situasi berisiko.

Program kesedaran jenayah dianjurkan pihak berkuasa dan organisasi masyarakat juga memainkan peranan penting mendidik masyarakat mengenai kaedah dan amalan baik untuk menjaga keselamatan diri di samping menekankan aspek kesedaran seperti kesan, tindakan undang-undang dan hukuman jika terabit sesuatu kes jenayah.

Selain itu, pengisian rohani juga perlu dilengkapkan dalam diri individu, keluarga dan masyarakat supaya dapat menghindari sifat 'mazmumah' atau buruk yang sentiasa menjadi asbab kepada tindakan negatif.

Sebagai seorang Muslim, kita hendaklah sentiasa berdoa kepada Allah untuk memohon perlindungan dan bertawakal kepada-Nya dalam se-

tiap urusan.

Doa adalah senjata orang mukmin dan Rasulullah SAW mengajar umatnya berdoa apabila hendak keluar rumah iaitu: "Bismillahi tawakkaltu 'alallah, la hawla wa la quwwata illa billah" (Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah).

Sunah nabi mengandungi banyak panduan praktikal untuk melindungi diri daripada bahaya dan musibah. Antara amalan mudah diamalkan adalah seperti diajarkan Rasulullah SAW dalam sabda-nya: "Sesiapa membaca 'Bismillahilladzi la yadh-hurru ma'asmihi syai'un fil ardh wa la fis-sama'i'i wa huwas-sami'u'l 'alim' (Dengan nama Allah dengan nama-Nya tidak ada sesuatu pun dapat membahayakan di bumi atau di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui) sebanyak tiga kali pada pagi dan petang, maka tidak ada sesuatu pun akan membahayakannya". (HR Abu Daud dan Tirmizi)

Justeru, amat wajar kita menjadikan amalan membaca doa memohon keselamatan sebagai normalisasi seperti ditunjukkan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW menyebut supaya kita bermohon daripada segala bala boleh memudaratkan kehidupan.

Ini menandakan perjalanan kehidupan dan liku kepentingan amat berbisa boleh menikam, seterusnya memusnahkan sesebuah kehidupan. Ketika itu yang bertapak dalam hidup kita lebih kepada penderitaan dan kesengsaraan.

#### Manusia dicipta untuk berjuang

Di samping itu, Muslim perlu mempelajari ilmu, mendapatkan nasihat daripada mereka yang berkemahiran dan pakar untuk penyelesaian kemelut berlaku, di samping sentiasa munajat kepada Ilahi kerana ia adalah jalan penyelesaian terbaik.

Islam menghendaki umatnya mempunyai kekuatan fizikal dan kuat keazamannya dalam menghadapi segala bentuk kesusahan. Islam tidak membenarkan seseorang Muslim melarikan dirinya daripada kehidupan dan mudah kecewa disebabkan ujian menimpanya.

Manusia diciptakan untuk berjuang, bukannya mengundurkan diri dari medan pertempuran dengan mudah dan lemah. Justeru, keimanan, tingkah laku dan peribadi Muslim tidak sepatutnya

**“ Islam menghendaki umatnya mempunyai kekuatan fizikal dan kuat keazamannya dalam menghadapi segala bentuk kesusahan. Islam tidak membenarkan seseorang Muslim melarikan dirinya daripada kehidupan dan mudah kecewa disebabkan ujian menimpanya”**

milarikan diri daripada medan pertempuran hidup.

Hakikatnya, seorang Muslim dilengkapkan dengan senjata tidak pernah tumpul dan kekuatan tidak pernah luntur, iaitu senjata keimanan teguh dan kukuh.

Nabi SAW melarang umat Islam berdepan masalah hidup melakukan jenayah kejam, iaitu membunuh diri. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Mereka yang sebelum kamu, ada seorang lelaki mengalami luka dan tidak tahan menanggung deritanya, kemudian diambilnya pisau, lalu menoreh ke urat nadi tangannya sehingga darah keluar dan tidak berhenti mengalir sehingga menemui ajalnya. Allah SWT berfirman: Hamba-Ku mendahului-Ku dengan (membunuh) dirinya, oleh itu Aku mengharamkan baginya memasuki syurga". (HR Bukhari dan Muslim)

Sementara itu, di sebalik laporan kes jenayah disiarkan di media hari ini, umat Islam seharusnya mengambil pengajaran berdasarkan situasi berlaku itu dan mengambil langkah berhati-hati supaya perkara sama tidak berlaku pada diri sendiri atau keluarga.

Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Seorang mukmin tidak akan disengat daripada lubang sama dua kali". (HR Bukhari dan Muslim).

Hakikat perlu disedari dan dipegang Muslim adalah kewajipan menjauhi perbuatan haram dan dilarang Allah seperti mencuri, menipu, dan melakukannya kezaliman.

Allah melarang perbuatan ini kerana ia bukan sahaja memberikan mudarat kepada orang lain, tetapi juga kepada diri sendiri. Firman Allah pada Surah al-Baqarah, ayat 195 bermaksud: "Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan..."

Ayat ini mengingatkan setiap Muslim untuk tidak melakukan perbuatan boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain. Selain itu, setiap Muslim perlu menjaga solat lima waktu kerana ibadah unggul ini dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar.

Allah berfirman pada Surah al-Ankabut, ayat 45 bermaksud: "Sesungguhnya solat itu mencegah perbuatan keji dan mungkar." Solat dilakukan dengan khusyuk dan ikhlas dapat membentuk peribadi baik dan menjauahkan diri daripada perbuatan dilarang."



TAJUK: TARIK ANAK MUDA DALAM ILMU, AGAMA MELALUI VIDEO PENDEK

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 20

TARIKH : 30/08/2024

20



SinarIslam+

&gt;&gt; SAMBUNGAN DARI MUKA 19

JUMAAT 30 OGOS 2024 • SINAR HARIAN

## Tarik anak muda dalam ilmu, agama melalui video pendek

ERA serba canggih sekarang ini, boleh dikatakan semua maklumat berada di hujung jari, malah apa sahaja persoalan yang keluar di minda, jawapannya boleh dicari dalam internet.

Betapa mudahnya kehidupan di zaman ini berbanding suatu ketika dahulu tanpa akses kepada internet, malah siaran televisyen juga begitu terhad.

Kini, petik sahaja jari, kandungan apa yang mahu ditonton ada di hadapan mata, boleh dicari dengan pantas melalui pelbagai platform termasuk aplikasi dan media sosial.

"Begitulah juga dengan kandungan-kandungan ilmiah, ajaran agama dan dakwah. Ia sudah ada di dalam internet, namun persoalannya, apakah persembahannya sampai kepada sasaran? Apakah ia berkesan untuk mengetuk hati-hati umat Islam terutamanya golongan muda dan remaja?"

Itulah persoalan yang disampaikan Ketua Jaringan Industri dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kassim.

### Tradisi ilmu berbeza kini

Menurut beliau, dalam bab tradisi ilmu, keadaan sekarang sudah berbeza berbanding zamannya ketika belajar dahulu.

"Ketika saya belajar dengan Professor Dr Wahbah Az-

Zuhaili tentang tafsir beliau iaitu *Tafsir al-Munir* dan tafsir-tafsir lain, beliau membawa kitab dan anak-anak murid juga membawanya.

"Zaman sekarang, guru bawa kitab manakala anak-anak murid ibarat sehelai sepenggang sahaja.

Persoalannya, bagaimana kita nak sampaikan ilmu kepada masyarakat sedangkan kita tiada ilmu?" soalnya pada forum bertajuk *Mengukuhkan tradisi ilmu dan dakwah dalam era digital*.

Forum tersebut diadakan sempena Majlis Pra-Pelancaran Aplikasi Madkhal di Shah Alam, baru-baru ini yang turut dihadiri Mufti Terengganu, Datuk Dr Mohamad Sabri Harun dan Mufti Selangor, Prof Madya Datuk Anhar Opir sebagai penasihat Madkhal.

Tambah Dr Mohd Izhar Ariff, firman ALLAH SWT mengenai ayat pertama surah al-'Alaq: "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan" jelas menunjukkan kepentingan membaca untuk mendapatkan ilmu.

"Walaupun pada ketika itu Nabi Muhammad SAW tidak pandai membaca, diperintahkan juga untuk Baginda membaca."

"Ini menunjukkan kepada kita bahawa membaca itu sangat penting pada hari ini sehingga kiamat datang. Membaca membuka pintu segala ilmu," hurai beliau.

Jelasnya lagi, ada satu kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya yang

membandingkan perbezaan orang Malaysia dengan rakyat Jepun.

"Di Jepun, 90 peratus rakyat mereka membaca berbanding dengan masyarakat kita di Malaysia yang hanya membaca dalam kadar 20 peratus daripada jumlah populasi.

"Bagaimana hendak menguasai ilmu sekiranya tidak membaca? Sekarang ini dengan dunia digital, pendakwah perlu lebih kreatif menerbitkan pelbagai kandungan dakwah terutamanya melalui video pendek yang disebarluaskan melalui platform sedia ada sekarang termasuk media sosial.

"Dengan adanya kandungan dakwah seperti itu, ia akan menarik minat orang muda untuk mendekati ajaran agama dan mengamalkannya," ujar Dr Mohd Izhar Ariff.

Katanya, jika hari ini, kandungan-kandungan hiburan dan *lagha* (melalaikan) lebih banyak disukai dan ditonton orang ramai dan para pendakwah tidak boleh berputus asa serta perlu lebih kreatif untuk menarik minat masyarakat kepada agama.

### Cabar pendakwah masa kini

Menurut Dr Mohd Izhar Ariff, kandungan dakwah yang menarik dan kreatif perlu diperbanyakkan dan diperhebatkan lagi selepas melihat pelbagai persepsi masyarakat terutamanya anak-anak muda sekarang.

"Dakwah hari ini tidak seperti zaman dahulu kerana anak-anak muda pada waktu itu tertutup dengan anasir luar, pemikiran barat dan idealogi baru.

"Sekarang ini era terbuka, pelbagai gelagat dan perangai ditunjukkan anak-anak muda sekarang. Ada yang sudah tidak malu membuka aib sendiri dengan menyatakan telah berzina.

"Ada yang sudah berani mengaku sebagai golongan gay dan lesbian," jelas beliau.

Menurutnya, walaupun sudah diberi peringatan mengenai hukum dan larangan, mereka berani melawan sehingga pandangan mufti turut ditolak.

Jelasnya, apa yang perlu pendakwah lakukan untuk berhadapan dengan golongan seperti ini adalah:

### 1) Perkuuhkan diri dengan ALLAH SWT.

Para pendakwah perlu menjaga hubungan dengan ALLAH sebaik mungkin. Beramal sebaik mungkin ilmu yang dipelajari sebelum mengajarkan kepada orang lain.

### Pedoman Hari Ini

*"Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik."*

(Surah an-Nahl: 125)

### ANEKDOT

#### Keteguhan Nabi Muhammad SAW dalam berdakwah

DAWKAH yang dilakukan Nabi Muhammad SAW secara terang-terangan ditentang dan ditolak kaum Quraisy, dengan alasan mereka tidak dapat meninggalkan agama yang telah diwarisi daripada nenek moyang dan sudah menjadi sebat dalam tradisi kehidupan.

Pada ketika itulah Rasulullah SAW mengingatkan mereka tentang perlunya membebaskan akal dan fikiran daripada belenggu taklid (percaya bulat-bulat). Selanjutnya dijelaskan oleh Baginda bahawa tuhan-tuhan yang mereka sembah itu tidak dapat memberikan manfaat atau menolak bahaya sama sekali.

Tradisi nenek moyang mereka dalam menyembah tuhan-tuhan itu tidak dapat dijadikan alasan kuat untuk diikuti, kerana itu adalah taklid buta.

Ketika Nabi Muhammad SAW mencela tuhan-tuhan mereka, membodohkan mimpi-mimpi dan mengcam tindakan taklid buta kepada nenek moyang mereka dalam menyembah berhala, mereka menentang Baginda dan memusuhiinya, kecuali bapa saudara Baginda, Abu Talib yang membelaanya.

Sumber: Al-Quran Al-Karim Amazaing terbitan Karya Bestari Sdn Bhd

### 2) Pertingkatkan ilmu dengan banyak membaca.

Pendakwah perlu memperuntukkan waktu untuk membaca setiap hari dan amalkan apa yang dibaca tersebut.

### 3) Jangan malu untuk bertanya dan jangan sombang.

Pendakwah tidak perlu malu untuk bertanya mengenai apa yang dia tidak tahu agar penyampaian lebih berkesan.

### 4) Jaga hubungan dengan manusia lain.

Jangan merasa diri pandai dan hormati kepakaran dan bidang yang dikuasai orang lain.



GENERASI kini lebih suka melihat video-video pendek termasuk dakwah di pelbagai platform media sosial dan aplikasi sedia ada.



# Cintai, pertahan negara tanda orang beriman

Sengaja biar, tak  
peduli nasib tanah  
air termasuk orang  
tidak syukuri nikmat  
kemerdekaan



Susunan NURULFATIHA MUAH

**H**ARI ini kita mengelap nikmat keamanan, kedamaian atas kuasa ALLAH SWT termasuk berkat pejuang-pejuang kemerdekaan generasi terdahulu yang mengerah keringat untuk mempertahankan tanah air dan agama Islam terus terpelihara.

Sesungguhnya, cerita 67 tahun lalu itu bukan sekadar sejarah yang diulang tayang semata-mata tetapi perlu disemat dalam ingatan setiap masa.

Agar kita terus menyambung tugas dan perjuangan mereka mengekalkan bumi Malaysia serta Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Ketahuilah bahawa mencintai negara adalah sebahagian tuntutan bagi umat Islam, selari dengan pepatah Arab yang masyhur 'Cintai negara (tanah air) salah satu daripada tanda keimanan'.

Demikian perkara ditekankan dalam teks khutbah Jumaat bertajuk *Tuntutan mencintai negara* yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) minggu lalu.

Menelusuri sirah, Rasullullah SAW begitu mencintai bumi Makkah, tempatnya dilahirkan dan mengenal dunia.

Tatkala diperintahkan untuk berhijrah meninggalkan tanah tumpah darahnya itu ke Madinah, baginda SAW berpaling menoleh terus ke Makkah.

Nabi Muhammad SAW lantas bersabda: "Tidak aku temui negeri yang lebih baik daripada kamu (Makkah) dan tiada negeri yang lebih aku cintai daripada kamu. Kalau bukan kerana kaumku (Quraisy) menghalau keluar dari Makkah, tidak akan aku tinggalkan negeri ini." (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

## Kemerdekaan wajib disyukuri

Selepas Rasulullah SAW menetap di Madinah, khatib berkata, baginda menumpahkan sepenuh jiwa raga untuk membangunkan dan mempertahankan negara berkenaan.

"Perasaan cinta terhadap bumi Madinah turut tersemai erat dalam sanubari Nabi sebagaimana doa baginda: 'Wahai Tuhan kami, lahirkanlah rasa cinta kami kepada Madinah seperti mana kami mencintai Makkah atau lebih'."

"Dalam satu riwayat daripada Anas bin Malik RA, diceritakan bahawa apabila Rasulullah SAW pulang dari perjalanan jauh, baginda akan menggesa untanya untuk cepat berjalan ketika hampir dengan Madinah, seakan-akan rindu dan ingin sampai secepat mungkin," menurut teks khutbah itu.

Berdasarkan kepada pernyataan itu, JHEAT berkata, jelas semua perilaku dan sifat yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW menunjukkan bahawa mencintai negara merupakan perkara dituntut dalam agama suci itu.

"Justeru, umat Islam mesti mencintai negara mereka sendiri sebagaimana sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW," katanya.

Sama juga halnya dalam konteks mencintai negara pada hari ini. Meskipun tanah air sudah bebas daripada kuasa kolonial, usah terlalu selesa hingga mengabaikan kerukunanannya.

Mimbar sebaliknya mengajak umat supaya terus menginsafi bahawa kemerdekaan yang diperoleh itu adalah anugerah ALLAH SWT yang wajib disyukuri dan dipelihara.

Masakan tidak, kerana kedamaian itu, umat Islam bebas melaksanakan tuntutan Rukun Iman dan Rukun Islam tanpa perlu berasa takut.

Bagi memanifestasikan kesyukuran, JHEAT menegaskan, kita perlu berganding bahu memelihara dan terus mempertahankan Malaysia daripada sebarang perkara yang boleh menggugat kedaulatan, keutuhan serta keselamatannya.

Ia selari dengan firman ALLAH SWT: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan



HARGAILAH jasa pejuang kemerdekaan generasi terdahulu untuk mempertahankan tanah air dan agama Islam agar terus terpelihara.

dengan persediaan itu musuh ALLAH dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang ALLAH mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan ALLAH akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya." (Surah an-Anfal: 60)

## Awas penjajahan secara halus

Lebih-lebih lagi musuh negara Islam pada hari ini datang dalam dua bentuk penjajahan.

Pertama, penjajahan berbentuk geografi yang masih berlaku di Palestin sehingga kini.

Rejim Zionis terus-menerus membunuh dan mengusir umat Islam.

"Kedua, penjajahan secara halus iaitu melibatkan pemikiran yang begitu berbahaya kerana tidak begitu disedari oleh kebanyakan umat Islam.

"Pihak Barat telah bertindak memesongkan akidah umat Islam melalui ideologi moden seumpama fahaman liberal," katanya.

Sebanyak mana pun usaha 'penaklukan' itu, JHEAT mengingatkan, umat Islam yang berikrar mencintai Malaysia wajib mempertahankan kemerdekaan negara daripada sebarang bentuk imperialisme.

Ini kerana mempertahankan negara merupakan antara tanda bagi orang beriman yang cintakan tanah airnya.

"Mengertihal, sengaja membiarkan atau tidak mempedulikan nasib negara termasuk dalam kalangan orang yang tidak mensyukuri nikmat kemerdekaan.

"Umat Islam juga mesti bersatu padu dan membuat persediaan yang rapi bagi menghadapi cabaran semasa," tegas khatib.

\* Teks khutbah Jumaat disediakan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan disiarkan menerusi laman web rasmi jabatan berkenaan.

TAJUK: BELAJAR BUKAN SEKADAR DAPAT SIJIL

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 31/08/2024

18

NASIONAL

SINAR HARIAN • SABTU 31 OGOS 2024

**Sinar**  
TELUS & TULUS  
Harian  
sinarharian.com.my

WACANA EDISI 453

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

# Belajar bukan sekadar dapat sijil

UPTM pastikan pelajar bumiputera terus berdaya saing

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY dan ROSLINDA HASHIM KUALA LUMPUR

Golongan muda di negara ini merupakan aset penting kepada negara dan perlu dididik dengan sebaiknya.

Malah mereka juga perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni supaya dapat mengambil alih kepimpinan negara.

Naib Canselor Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Profesor Madya Dr Sharifah Syahirah Sy Sheikh berkata, pelajar di UPTM sentiasa dikekalkan bahawa mereka merupakan generasi pemimpin masa depan negara.

Sehubungan itu, katanya,

warga pendidik di UPTM dan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) sentiasa melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin untuk berkongsi ilmu pengetahuan dengan pelajar di institusi peganjangan tinggi tersebut.

"Itulah penegasan kita bahawa apabila kita mengajar, para pensyarah dan pihak pengurusan melihat pelajar, kami melihat mereka sebagai pemimpin kami di masa depan.

"Maka apabila mengajar, berkongsi ilmu, ilmu dikongsi itu dengan sehabis baik dan yang paling penting adalah kejayaan itu bukanlah setakat apabila sudah mendapat sijil atau pekerjaan.

"Paling penting adalah bagaimana hendak memberi balik kepada orang lain seperti diamalkan generasi terdahulu yang lebih prihatin dalam membantu golongan memerlukan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika Wacana Sinar: Cabaran Sosioekonomi Bumiputera Dalam Era Globalisasi yang turut menampilkan Shamshulkahar (tengah)



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Sharifah Syahirah (kanan) menjadi panelis Wacana Sinar: Cabaran Sosioekonomi Bumiputera Dalam Era Globalisasi yang turut menampilkan Shamshulkahar (tengah) pada Jumaat.

Dalam Era Globalisasi yang disiarkan di platform digital Sinar Harian pada Jumaat.

Shamshulkahar Mohd Deli dan dikendalikan oleh Ismail Adnan sebagai moderator.

Dalam pada itu, Sharifah Syahirah berkata, selain nilai-nilai positif, warga pendidik

institusi itu turut menerapkan tanggungjawab besar mereka kepada negara.

## Bukan hanya bumiputera

Selain itu, dalam wacana tersebut, beliau berkata, institusi pengajian tinggi itu bukan hanya untuk bumiputera semata-mata, tetapi dalam skop dan rangkuman lebih meluas iaitu bangsa Malaysia.

"Ini termasuklah kaum Cina, India serta kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak yang ada lebih 60 etnik dan kaum.

"Kita mengalu-alukan mereka semua untuk belajar di UPTM dan KPTM," ujarnya.

Namun katanya, tumpuan diberikan kepada bumiputera kerana masih banyak perkara perlu dilaksanakan bagi memastikan mereka dapat duduk sama tinggi dengan mempunyai pendapatan dan peluang setaraf kaum yang lain.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: MARA DAN UPTM TUBUHKAN IKEB, PROAKTIF LAHIRKAN  
AKAUNTAN BUMIPUTERA PROFESIONAL

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 31/08/2024

## Mara dan UPTM tubuhkan IKEB, proaktif lahirkan akauntan bumiputera profesional



Asyraf (dua dari kiri) merasmikan peluncuran IKEB di UPTM pada Jumaat.

**KUALA LUMPUR** - Majlis Amanah Rakyat (Mara) menerusi Universiti Poly Tech Malaysia (UPTM) mengambil langkah proaktif melahirkan akauntan bumiputera profesional dan mewujudkan Institut Kajian Ekonomi Bumiputera (IKEB) sebagai platform untuk mencapai matlamat agenda Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB).

Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi berkata, peluncuran kerjasama di antara Prudence Consulting Group (PACCT) dan UPTM serta penubuhan IKEB menjadi pamacu untuk melahirkan lebih ramai pakar perakaunan yang mempunyai pemikiran kritis, di samping memastikan resolusi KEB dicapai pada tahap maksimum.

"Firma Perakaunan PACCT me-

rupakan industri di bawah program Pembangunan Usahawan Profesional (PROSPEC) seliaan Bahagian Infrastruktur Komersial (BIK) Mara.

"Program itu merupakan inisiatif bersama di antara BIK dan UPTM untuk meningkatkan galakan kepada akauntan-akauntan bertauliah bumiputera supaya memiliki firma perakaunan sendiri," katanya ketika sesi peluncuran di UPTM Cheras di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Naib Canselor UPTM, Profesor Madya Dr Syahirah Sy Shiekh serta Ahli Lembaga Pengarah Kolej Poly-Tech Mara iaitu Tengku Datuk Zuhri Tengku Abdul Aziz, Mohd Fakhzan Md Noor dan Dr Wan Muhammad Adam Wan Norudin.

SI 198 31/8 MS 18  
Harian

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67

# Lebih 17,000 sertai acara perbarisan, perarakan

**Putrajaya:** Sambutan Hari Kebangsaan akan terus menjadi platform menterjemahkan aspirasi Malaysia MADANI, terutama dalam memperkuatkan perpaduan berbilang kaum di negara ini, selain menyemarakkan lagi semangat cintakan tanah air dalam kalangan rakyat.

Bertemakan 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka', acara sambutan Hari Kebangsaan 2024 bakal mengetengahkan konsep kebersamaan rakyat terdiri daripada segenap lapisan masyarakat selari dengan maksud tema tahun ini, iaitu perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati diri.

Acara gilang-gemilang yang akan diadakan di Dataran Putrajaya, di sini, menyajikan perbarisan dan perarakan melibatkan lebih 17,000 peserta, 59 kontinjen, 24 pasukan pancaragam dan 439 aset ketenteraan.

Antara kelainan yang dibawa kali ini ialah perbarisan Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI diterajui Kementerian Perpaduan Negara, yang merupakan kontinjen terpanjang berpakaian etnik lengkap beraksesori bagi melambangkan kepelbagaiannya masyarakat di negara ini.

Disertai 800 peserta, keuni-

kan kontinjen itu ditonjolkan melalui alatan (prop) dan persembahan khas sebagai simbolik perpaduan masyarakat antaranya kumpulan kompong, chingay, tarian naga dan singa, tarian merak, perarakan kuda serta pahlawan Bajau sekali gus mewarnai sambutan kali ini.

Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI antara tujuh komponen perarakan tahun ini yang terdiri daripada Kontinjen Kesejahteraan dan Keselamatan, Kontinjen Kenegaraan, Kontinjen Kembara Merdeka Jalur Gemilang, Kontinjen GLC dan GLIC, Kontinjen Industri Kreatif dan Penyiaran serta Kontinjen Sukan Negara.

Turut menarik perhatian, Kontinjen Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang membabitkan 67 kendaraan sempena ke-67 tahun kemerdekaan dengan peserta daripada pelbagai latar belakang, kaum serta profesion termasuk penjawat awam maupun swasta.

Perbarisan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula akan diketuai oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain sekali gus menjadi satu kebanggaan kepada warga PDRM atas kesudian pucuk pimpinan tertinggi turun padang bagi bersama-sama menjayakan perarakan tahun ini.



Suasana acara perbarisan dan perarakan pada raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 di Dataran Putrajaya.

(Foto BERNAMA)

Seperti kebiasaan sambutan Hari Kebangsaan, pertunjukan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan menggamatkan ruang udara Putrajaya dengan deruan enjin jet pejuang seperti *Sukhoi SU-30*, *F/A 18D Hornet* dan *Hawk MK 208*.

Selain itu, bakal dipertontonkan persembahan tempur tanpa senjata daripada 250 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang penuh aksi dan bertenaga yang pastinya memukau pengunjung.

Selain itu, persembahan tari-

an bertajuk 'Cuci Rasuah' di dedikasikan khas kepada perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memerangi amalan itu akan turut dipersembahkan sebelum sambutan Hari Kebangsaan 2024 menutup tirai.

BERNAMA